



Mhi ملاك هاري اين
MELAKA HARI INI

MELAKA ONE NUMBER CALL CENTRE (ONCC)

Ingin tahu nombor telefon agensi kerajaan untuk sebarang bantuan dan khidmat nasihat berkaitan Covid-19? Sila hubungi ONCC di talian:

06-333 3333

(24 jam termasuk Sabtu dan Ahad)



Usaha iktiraf M-WEZ projek nasional



- Beberapa agensi koridor ekonomi yang lain jadi rujukan Perbadanan M-WEZ
- Perbadanan M-WEZ bakal jadi 'One Stop Centre'
- Tambak laut tidak timbul isu gadai negeri
- Projek tambak laut ikut syarat ditetapkan **2**



Melaka beralih ke Fasa 3 **3**

Melaka Sentral
dibangunkan semula **5**

Zoo Melaka catat
sejarah Asia **8**

Jebat kembali 'bergegau' **24**

Usaha iktiraf M-WEZ sebagai projek nasional



MOHD Yusof

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Kerajaan negeri dalam usaha mendapatkan pengiktirafan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ) sebagai projek nasional bagi memudahkan urusan perancangan projek tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan M-WEZ, Mohd Yusof Abu Bakar berkata, apabila mendapat pengiktirafan itu, terdapat tiga perkara utama yang akan dimohon kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

"Pertama dari segi penyediaan infrastruktur, jadi dengan pengiktirafan sebagai projek nasional kita ha-

rapkan kerajaan Persekutuan dapat bantu beri satu peruntukan khusus untuk kawasan M-WEZ.

"Kedua dari segi promosi, apabila kita dah ada M-WEZ secara keseluruhannya dan ia diiktiraf sebagai salah satu projek nasional maka segala promosi yang dibuat kerajaan Persekutuan akan membawa sekali projek M-WEZ.

"Ketiga bila kita dah ada penerafan daripada kerajaan Persekutuan maka pelabur-pelabur akan lebih yakin untuk melabur di kawasan M-WEZ," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Program Diskusi MHI di Studio Melaka Hari Ini (MHI) pada 28 September lepas.



Tambahnya apabila Perbadanan M-WEZ ditubuhkan ianya menjadi 'One Stop Centre' kepada semua syarikat konsesi yang mendapat kelulusan pembangunan di kawasan tambak laut.

"Ini memudahkan mereka untuk mengutarakan sebarang permasalahan dan isu-isu yang mereka hadapi semasa melaksanakan pembangunan tersebut.

"Sebelum ini mereka terpaksa selesaikannya sendiri, namun setelah tubuhnya M-WEZ kita menjadi orang tengah bagi pihak syarikat dan agensi kerajaan untuk selesaikan atau memastikan syarikat ini mematuhi segala peraturan atau syarat ditetapkan kerajaan.

"Pada masa sama tidak mengganggu perjalanan pembangunan projek mereka," katanya.

Ujarnya, kerajaan negeri kini dalam peringkat akhir untuk menyediakan 'blueprint' sebagai rujukan

bagi semua pihak dalam merancang dan melaksanakan pembangunan dalam kawasan M-WEZ.

"Kita telah bahagikan kepada enam kluster, jadi segala perancangan atau 'proposal' yang dikemukakan kepada pihak kerajaan mestilah mengikut 'blueprint' yang telah ditetapkan," katanya.

Fokus sektor berimpak tinggi

PEMBANGUNAN M-WEZ diyakini akan mempelbagaikan sektor ekonomi di Melaka, sekali gus memperolehi sumber pendapatan yang lebih baik.

Mohd Yusof Abu Bakar berkata, biarpun situasi ekonomi dunia agak tidak menentu, tetapi kerajaan negeri terus memfokuskan kepada sektor yang boleh memberi impak positif ke-

pada ekonomi negeri.

"Salah satunya sektor teknologi dan sektor kesihatan, kita fokus kepada sektor yang boleh memberi impak tinggi.

"Saya percaya walaupun sektor pelancongan terjejas teruk semasa pandemik tetapi ia akan bangkit secepat mungkin apabil masyarakat telah ada prosedur operasi standard (SOP)

sendiri.

"Sudah sampai masanya kita kena ada kepelbagaian dari segi ekonomi, jadi M-WEZ salah satu inisiatif untuk mempelbagaikan kebergantungan ekonomi Negeri Melaka pada sumber-sumber yang lebih baik," katanya.

Jelasnya, biarpun keadaan ekonomi menghadapi kemelesetan na-

mun bukan semua sektor yang mengalami kemurungan.

"Kalau kita tengok ada beberapa sektor utama menghadapi peningkatan, contohnya sektor teknologi dalam pandemik seperti sektor teknologi yang sangat berkembang maju.

"Masyarakat mula mengambil perhatian menggunakan teknologi seperti Zoom, Google Meet dan seba-

gainya yang mana sebelum ini bukanlah amalan biasa.

"Begitu juga sektor kesihatan industri farmasi dan hospital yang juga mendapat impak positif buat masa ini, pada pandangan saya untuk pembangunan M-WEZ kita kena fokus kepada sektor-sektor yang mempunyai daya saing tinggi pada masa akan datang," katanya.

'Tidak timbul isu gadai negeri'

KERAJAAN negeri sentiasa meneliti mana-mana syarikat yang diluluskan untuk terlibat dalam perancangan projek tambak laut pembangunan M-WEZ mengikut syarat yang telah ditetapkan.

Mohd Yusof Abu Bakar berkata, ia berikutan kesemua perancangan projek tambak laut adalah 100 peratus melibatkan kewangan syarikat itu sendiri.

"Untuk membuat tambakan laut sekarang ini untuk satu kaki persegi kosnya lebih kurang RM30 ke RM40, jadi kalau 100 ekar dah mencecah ratusan juta ringgit.

"Oleh itu syarikat yang menghantar cadangan itu mereka telah meneliti betul-betul adakah mereka mampu atau tidak, dan sebenarnya jika mereka gagal kerugian besarnya adalah dari mereka sendiri.

"Memang kita (kerajaan negeri) buat secara teliti jadi kalau ada cakap syarikat tersebut begini dan begitu, kita ada perjanjian dan kita tengok kesemua syarikat yang kita luluskan tidak menyalahi syarat ditetapkan," katanya.

Jelasnya, tujuan kerajaan negeri melakukan tambakan laut adalah untuk memastikan projek itu tidak mengganggu pemilikan tanah milik warga serta syarikat tempatan di kawasan darat.

"Sebab itu kita buat tambak laut, tidak timbul isu apabila kita lakukan telah menggadai negeri dan sebagainya kerana itu usaha kita untuk menjemput pelabur asing dalam masa yang sama tidak mengganggu pemilikan tanah warga tempatan.

"Permohonan pemilikan tanah individu atau syarikat mereka mesti mendapatkan kelulusan kerajaan negeri dan kita telah sediakan garis panduan cukup untuk menentukan atau memastikan hak atau pemilikan tempatan itu sentiasa terjamin," katanya lagi.

INFOGRAFIK M-WEZ

Keluasan keseluruhan : 25,000 ekar (33 km)

1. Zon kawalan - 7,500 ekar (30 peratus)

2. Zon pembangunan - 17,500 ekar (70 peratus)

3. Telah ditambak - 3,279.1 ekar (37 peratus)

3.1 Pembangunan - 267.90 ekar (8.16 peratus)

3.2 Tanah kosong - 3,011.2 ekar (91.84 peratus)

4. Belum ditambak - 7,967.97 ekar (74 peratus)

5. Badan air diluluskan - 118.846 ekar (0.68 peratus)

6. Badan air - 11,365.92 ekar (65 peratus)

POTENSI PEMBANGUNAN DIGITAL M-WEZ

1. Sasaran pengguna

- Sasaran penduduk Melaka (2035) - 1.54 juta penduduk
- Jangkaan penduduk Sumatera - 60 juta penduduk
- Sasaran pelancong (2035) - 25 juta pelancong

2. Permintaan perniagaan yang tinggi melalui pembangunan pelabuhan baharu

- Penyediaan infrastruktur untuk tujuan kemudahan pelabuhan dan rangkaian kemudahan yang lain
- Tujuannya memberi kemudahan dan garis panduan kepada pelabur akan datang

3. Pusat Digital Negeri Melaka

4. Perkembangan teknologi

5. Penerapan pembangunan Smart-City

- Memerlukan satu pihak yang berkepentingan dalam memastikan pembangunan persisiran pantai yang lengkap dengan sumber

Melaka belum buka pintu untuk pelancong luar - KM

Liana Sahabudin

SERI NEGERI – Kerajaan Melaka kekal dengan pendirian tidak membenarkan kedatangan pelancong luar buat masa ini biarpun telah beralih kepada Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 1 Oktober lalu.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, keputusan itu sama seperti diumumkan sebelum ini yang mana sektor pelancongan hanya untuk rakyat di Melaka sahaja.

“Melaka hanya membenarkan aktiviti rentas negeri dengan syarat mencapai 90 peratus kadar vaksinasi dewasa berdasarkan data dan analisis yang dibuat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).”

“Keputusan sektor pelancongan Melaka masih seperti dulu dan tetap, saya nak lihat dulu sebab saya bimbang, mungkin dalam Negeri Melaka kita boleh buka sektor pelancongan untuk orang Melaka saja.

“Kita tengok ada tak berlaku kenaikan kes? Kalau tiada, itu prosedur operasi standard (SOP) yang kita perlu ikut,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Seri Negeri pada 30 September lepas.

Sebelum ini MHI melaporkan Melaka tidak akan membuka pintu sempadan negeri untuk pelancong bermula 1 Oktober, seperti diumumkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Sebaliknya, Melaka hanya membenarkan aktiviti rentas negeri dengan syarat mencapai 90 peratus kadar vaksinasi dewasa berdasarkan data dan analisis yang dibuat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



SULAIMAN

Hanya 50 peratus kapasiti pengunjung setiap premis - Jailani

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) SOP FASA 3 BERKUAT KUASA 1 OKT 2021 BAGI NEGERI MELAKA DAN LEMBAH KLANG

AKTIVITI DIBENARKAN :

- Pelaksanaan aktiviti di masjid & surau mengikut SOP Pihak Berkuasa Agama Negeri
- Waktu operasi semua sektor sehingga jam 12.00 malam (rujuk SOP)
- Penganjuran sukan dengan penyertaan TIDAK MELEBIHI 250 orang
- Kehadiran penonton ke venue sukan 30% kapasiti
- Majlis Rasmi Kerajaan/Swasta dibenarkan bersyarat
- Seminar, Bengkel, kursus, latihan, ceramah dibenarkan bersyarat
- Bilangan penumpang e-hailing 3 orang termasuk pemandu
- Pembukaan Sektor Pendidikan (rujuk SOP)
- Kapasiti panggung wayang 80% dengan syarat lengkap vaksin
- Program berbentuk hiburan dengan kapasiti 70% dengan syarat lengkap vaksin
- Taman Tema & Pusat Hiburan Keluarga

AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN

- » Majlis Sosial termasuk kenduri, resepsi, doa selamat, reunion, perayaan
- » Rentas negeri kecuali kebenaran PDRM
- » Kejohanan/pertandingan/acara sukan tanpa kebenaran KBS
- » Aktiviti yang menyukarkan penjarakan fizikal

KERAJAAN negeri membenarkan kesemua sektor pelancongan di negeri ini beroperasi mulai 1 Oktober dengan hanya 50 peratus kapasiti pengunjung di setiap premis.

Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, keputusan itu dibuat selepas perbincangan terperinci yang memberi keutamaan kepada pelancong di negeri ini.

“Setelah perbincangan secara teliti dan terperinci dengan ketua menteri, kita umumkan 1 Oktober seperti saranan Kementerian, aktiviti pelancongan di Melaka akan dibuka.

“Tetapi hanya untuk rakyat Melaka sahaja dulu sebagai satu proses untuk kita perlahan-lahan mengadaptasi kedatangan para pelancong.

“Aktiviti ini dibenarkan kepada pelancong yang berada dalam negeri Melaka saja dengan kapasiti hanya 50 peratus,” katanya.

Antara produk pelancongan akan dibuka adalah seperti Zoo Melaka, akuarium, snorkeling, selam skuba, memancing, pusat edutainment, taman rekreasi dan ekstrem, taman eksplorasi atau semula jadi (flora dan fauna) dan lain-lain yang berkaitan.


Selain itu, turut dibuka adalah premis hasil seni budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, Perkampungan Hang Tuah, galeri seni, pusat dan kampung seni warisan budaya dan pentas persembahan budaya.




MUHAMMAD Jailani

APA kata MER EKA

“SUDAH pasti di sektor perhotelan gembira dengan peralihan Fasa 3 PPN, jadi kami mengambil kira masa yang ada ini untuk menarik pelancong dalam negeri dengan menawarkan pelbagai pakej istimewa menerusi ‘Melakan visit Melaka’.”



Eksekutif Perhubungan Awam Hotel MITC, Nabila Mahat




“INI adalah masa yang terbaik untuk kita rakyat Melaka menikmati keindahan negeri Melaka, berkunjung ke tempat-tempat menarik di Melaka, bersantai bersama keluarga di hotel-hotel dengan harga yang sangat menarik.”

Penolong Pengurus Pemasaran Hotel Casa Del Rio, Nor Azimah Sulaiman

“SUDAH empat bulan lebih saya tutup kedai, apabila kerajaan umum Melaka beralih Fasa 3 PPN, lega rasanya kerana dapat kami berniaga seperti biasa.



Peniaga cenderamata, Farah Azim



“ANAK-anak saya sekian lama tidak keluar, jadi hari ini (1 Oktober) kami sekeluarga mengambil peluang untuk berkunjung ke Zoo Melaka.”

Orang awam, Norakmal Syamsuddin

Diikuti taman tema dan pusat hiburan keluarga mengikut prosedur operasi standard (SOP) sektor pelancongan dan kebudayaan sedia ada, namun kelab hiburan malam masih tidak dibenarkan.

Tambahnya, pengunjung luar perlu memberi ruang kepada kerajaan negeri bersiap sedia untuk mengadaptasi dengan senario kedatangan pelancong luar Melaka.

“Jadi saya umumkan 1 Oktober, Melaka membuka pusat-pusat pelancongan tersebut tetapi hanya untuk rakyat Melaka.

“Kenapa untuk pelancong Melaka saja, kerana kita perlu bergerak mengadaptasi mengikut fasa dalam pada kesediaan kita menerima para pelancong.

“Melaka negeri yang padat, selepas dua minggu kita akan tengok persediaan kita dan Kerajaan Melaka akan mohon kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) satu SOP khusus untuk pelancongan Melaka,” katanya.

Rancangan Malaysia Ke-12 Kerajaan peruntuk RM400 bilion

KUALA LUMPUR - Sejumlah RM400 bilion akan diperuntukkan kerajaan bagi membiayai projek sambungan dan projek baharu di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).
Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, peruntukan pembangunan yang besar pada RMK-12 ini adalah bagi me-

lindungi nyawa dan kehidupan pada tahun 2020 dan 2021.
"Saya sedar Keluarga Malaysia meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan untuk menangani krisis kesihatan dan ekonomi. Kerajaan banyak menerima cadangan daripada orang ramai, ahli Parlimen dan kerajaan negeri.

"Bagaimanapun, keperluan yang amat besar untuk melindungi nyawa dan kehidupan pada tahun 2020 dan 2021, ruang bagi melaksanakan projek pembangunan amat terhad. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga tahun hadapan.
"Oleh itu, peruntukan pembangunan kerajaan lebih ditumpukan kepada projek

sambungan. InsyaAllah, kita menjangkakan kedudukan kewangan kerajaan akan bertambah baik pada tahun 2023, apabila ekonomi semakin kukuh," katanya ketika membentangkan RMK-12 dalam sidang Dewan Rakyat, pada 27 Sept lepas.

Tambahnya lagi, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM248.5 bilion bagi tujuan pembangunan pada RMK-11.
Peruntukan itu merangkumi sektor ekonomi sebanyak 58 peratus, sosial (26 peratus), keselamatan dan per-

tahanan (11 peratus), dan pentadbiran am (lima peratus).
"Daripada perbelanjaan ini, sebanyak 46 peratus diagihkan kepada enam negeri yang memerlukan lebih tumpuan iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu," ujarnya.



Hospital Angkatan Tentera Terendak ditambah baik dalam RMK-12

Muhd Rizanizam

KEBAJIKAN anggota tentera akan terus dibela di bawah Fokus Keempat: Memantapkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam di bawah RMK-12.
Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keselamatan rakyat dan kedaulatan negara merupakan perkara asas bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara.
"Antara inisiatif yang akan dilaksanakan merangkumi langkah menambah baik kesiapsediaan, kawalan sempadan dan penguatkuasaan, mempertingkatkan ketenteraman awam, mengukuhkan keselamatan dan pertahanan siber serta menjaga kebajikan anggota.
"Saya akan pastikan, langkah yang lebih tegas akan diambil untuk melaksanakan pelan menyeluruh, dan memperkukuh Ops Benteng bagi mengekang pendatang asing tanpa izin.

"Antara projek yang akan dilaksanakan, termasuk Marine Police Sea Monitoring System di lima wilayah maritim, pembinaan Base Tentera Udara Bintulu, Sarawak, pembinaan Hospital Angkatan Tentera Terendak, Melaka dan peningkatan keupayaan aset maritim," katanya.
Selain itu, katanya kem tentera baharu di Felda Sahabat, Kem 5 Briged di Kota Belud dan kem Pasukan Gerakan Am di Beluran, Sabah akan siap dibina dalam tempoh RMK-12.
"Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara akan diperkenal, bagi menetapkan hala tuju industri tempatan berkaitan pertahanan dan keselamatan.
"Bagi memastikan kebajikan anggota tentera dan penguatkuasa terbela, 10,200 unit rumah keluarga angkatan tentera dan kuarters sedang dibina dan boleh diduduki dalam tempoh RMK-12," katanya.



HOSPITAL Angkatan Tentera Terendak turut termasuk dalam senarai fasiliti yang akan ditambah baik kerajaan dalam RMK-12. Gambar fail MHI

KELUARGA MALAYSIA - MAKMUR, INKLUSIF, MAMPAN

<p>PERUNTUKAN PEMBANGUNAN</p> <p>RMK - 12 RM400 bilion</p> <p>RMK - 11 RM260 bilion</p>	<p>TEMA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Menjana Semula Ekonomi 2 Memperkukuhkan Keselamatan Kesejahteraan & Inklusiviti 3 Melonjakkan Kemampunan
--	---

PEMANGKIN DASAR

<p>Membangunkan Bakat Masa Depan</p>	<p>Menambah Baik Ketersambungan & Infrastruktur Pengangkutan</p>
<p>Mempercepatkan Penerimaan Teknologi & Inovasi</p>	<p>Memperkukuhkan Perkhidmatan Awam</p>

➔ MENJELANG 2025

<p>MATLAMAT</p> <p>KDNK 4.5% - 5.5% setahun</p> <p>PURATA PENDAPATAN ISI RUMAH RM10,000 sebulan</p> <p>PELEPASAN GAS RUMAH KACA pengurangan intensiti 45% kepada KDNK pada 2030</p>	<p>PENGURANGAN JURANG KDNK PER KAPITA ANTARA WILAYAH TENGAH</p> <p>➔ DENGAN Sabah Dikurangkan kepada 1 : 2.5</p> <p>➔ DENGAN Sarawak Dikurangkan kepada 1 : 1.2</p>	<p>UNJURAN</p> <p>PNK PER KAPITA RM57,882</p> <p>PENGANGGURAN 4%</p> <p>INFLASI - 2.7%</p> <p>FISKAL -3.5% hingga -3%</p>
--	--	--

Sumber : Rancangan Malaysia ke-12



SULAIMAN (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Hasnoor (empat kiri) dan Muhammad Hafidz (empat kanan) pada perjanjian usahasama tersebut.

Melaka Sentral dibangunkan semula

SERI NEGERI – Melaka Sentral Sdn Bhd (MSSB) bersama Syarikat Goodyield Development Sdn Bhd (GDSB) menandatangani perjanjian usahasama bagi cadangan Projek Pembangunan Semula Melaka Sentral.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, projek melalui Kaedah Usahasama Penswastaan (PFI) itu, MSSB bakal menerima jumlah manfaat kewangan apabila projek pembangunan semula tersebut siap.

“Projek ini melibatkan keluasan kasar terminal sebanyak 743,775 kaki persegi dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM372 juta yang akan diserahkan secara *‘in kind’* kepada MSSB dan boleh menempatkan 340 ruang niaga untuk disewakan.

“Secara keseluruhan jumlah manfaat kewangan diterima MSSB apabila siap projek pembangunan semula Melaka Sentral ini dianggarkan RM466 juta.

“Ini tidak termasuk pendapatan tahunan berbentuk *‘recurring income’* (pendapatan berulang) dari perkongsian hasil sewaan dan pengurusan petak letak kereta yang dianggarkan RM1.5 juta hingga RM2 juta setahun,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama untuk Cadangan Projek Pembangunan Semula Melaka Sentral melalui PFI di Antara MSSB dan Syarikat Goodyield Development Sdn Bhd, pada 30 Sept lepas.

Sulaiman berkata, cadangan pembangunan itu melibatkan tanah seluas 18 ekar milik MSSB meliputi lima sektor pembangunan secara berperingkat yang dijangka siap pada tahun 2029.

“Projek ini dijangka mula pada Jun 2022 dengan pembinaan terminal seperti balai ketibaan bas ekspres, balai berlepas bas domestik, satu blok kondominium, menara hotel, 18 unit dewan pawagam dan ruang komersial yang akan siap pada Januari 2024.

“Diikuti sektor kedua melibatkan Terminal Ekspres-Wilayah Selatan, satu blok kondominium, zon hiburan dan ruang komersial yang siap pada Jun 2025.

“Manakala, sektor tiga melibatkan Terminal Ekspres-Wilayah Tengah, dua blok kondominium dan ruangan komersial yang siap pada Disember 2026, sektor empat Terminal Ekspres-Wilayah Utara, satu blok kondominium dan ruang komersial yang siap pada Jun 2028.

“Dan terakhir sektor lima melibatkan Terminal Ekspres-Wilayah Timur, masjid, satu blok kondominium, monorail hub, *banquet hall* dan ruangan komersial yang dijangka siap pada Disember 2029,” katanya.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamed, Pengerusi Lembaga Pengarah MSSB, Datuk Wira Hasnoor Sidang Husin dan Ahli Lembaga Pengarah GDSB, Datuk Muhammad Hafidz Nuruddin.



LAKARAN Projek Pembangunan Semula Melaka Sentral menggunakan konsep Bunga Kesidang.



REMY Rizal

Adaptasi reka bentuk pasca COVID-19, teknologi 5G

PEMBANGUNAN semula terminal pengangkutan Melaka Sentral di Peringgit, akan mengadaptasi reka bentuk ‘pasca COVID-19’ dan teknologi 5G.

Ketua Pegawai Eksekutif Goodyield Development Sdn Bhd (GDSB) Welly Remy Rizal selaku syarikat pemaju dilantik berkata, hab pengangkutan dan pusat komersial itu dibina dengan mengambil kira keperluan norma baharu masyarakat dalam mengekang penularan COVID-19.

“Cadangan pembangunan Melaka Sentral ini kita reka dan kemas dengan konsep pasca COVID-19 untuk kesesuaian cara hidup menjalani norma baharu pada zaman pandemik.

“Pembangunan projek ini dirancang secara berbeza dengan menggantikan ruang yang rapat dan sempit dengan lebih banyak binaan terbuka,” katanya.

Remy Rizal berkata, selain mengoptimumkan faktor ruang, keselu-

han bangunan yang turut menempatkan unit kediaman kondominium setinggi 38 tingkat itu juga dibina dengan memaksimumkan kemudahan berteknologi 5G.

“Projek Melaka Sentral dibangunkan dengan konsep teknologi 5G terbina dalam, berbeza dengan bangunan-bangunan lain yang dibina tanpa memikirkan potensi teknologi itu.

“Ini termasuk adaptasi teknologi 5G yang akan digunakan secara me-

nyeluruh sama ada dari pihak penguasaan bangunan, peniaga dan juga pengunjung,” katanya.

Tambahnya, projek Melaka Sentral itu dibangunkan bertema ‘5 Kelopak Bunga Kesidang’ yang merupakan bunga rasmi Kerajaan Negeri Melaka.

“Terminal ini dipecahkan kepada lima sektor utama yang setiap satunya dihubungkan dengan laluan penyambung termasuk jejantas, laluan pejalan kaki dan basikal,” jelasnya.

Melaka benar solat Jumaat kapasiti penuh bermula 1 Oktober

AYER KEROH – Solat Jumaat di masjid dan surau di negeri ini dibenarkan mengikut kapasiti penuh dengan penjarakan fizikal bermula 1 Oktober.

Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Datuk Che Sukri Che Mat berkata, ketetapan baharu itu susulan Melaka telah memasuki fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) 4 September lalu.

Katanya, ketetapan baharu itu terpakai bagi solat Jumaat di semua masjid kerajaan, masjid kariah atau institusi dan surau Jumaat dengan mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP).

“Solat Jumaat dalam bangunan masjid yang jemaah biasa bersolat dibenarkan berdasarkan kapasiti masjid dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.

“Pembinaan khemah tamba-

han adalah dilarang,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada 29 Sept lepas.

Manakala bagi solat fardu dan solat jenazah pula katanya, syarat sama terpakai, namun hanya dibenarkan maksimum 500 jemaah bagi masjid kerajaan.

Bagi masjid kariah dan institusi pula katanya, jumlah maksimum dibenarkan hanya 200 orang selain surau Jumaat maksimum 100 orang.

“Aktiviti di masjid dan surau yang masih ditangguhkan adalah penganjuran majlis yang melibatkan perhimpunan ramai, jamuan, kecuali agihan makanan berbungkus dibenarkan.

“Turut dibenarkan adalah warganegara asing untuk menghadiri aktiviti pengimaran namun perlulah lengkap vaksin,” katanya.



SOLAT Jumaat di masjid dan surau di Melaka dibenarkan mengikut kapasiti penuh dengan penjarakan fizikal bermula 1 Okt. Gambar hiasan



PENGUNJUNG menyerbu Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka pada April lalu. Gambar fail MHI

Karnival Pekerjaan PERKESO secara maya

Norizan Muhid

PAYA RUMPUT – Penganjuran Karnival Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), MyFutureJobs pada Oktober ini akan diadakan secara maya dengan penyertaan lebih 20 majikan yang akan menawarkan peluang pekerjaan kepada pencari kerja di negeri ini.

Exco Tenaga Kerja, Datuk Wira Ar. Ismail Othman berkata, pihak PERKESO akan mengendalikan program itu di Hotel Mudzaffar Ayer Keroh pada 16 Oktober depan.

Menurutnya, penganjuran program itu secara maya dilihat bersesuaian dengan keperluan semasa ketika ini yang masih berdepan dengan situasi pandemik COVID-19.

“Pencari kerja yang berminat boleh layari laman sosial PERKESO negeri bagi pendaftaran kerja dan maklumat lanjut mengenai program ini.

“Butiran yang lengkap memudahkan pihak PERKESO melakukan padanan antara pencari kerja dengan pihak majikan yang mengambil bahagian pada 16 Oktober nanti,” katanya.

Beliau ditemui pada program Bantuan dan Faedah Prihatin PERKESO yang turut disertai Pengarah PERKESO negeri, Abd. Razak Omar di Taman Krubong Jaya pada 28 Sept lepas.

Menurut Ismail, penganjuran MyFutureJobs memberi peluang kepada pencari kerja atau mereka yang berhasrat meningkatkan skil kemahiran mengenal pasti pekerjaan yang sesuai untuk mereka serta memilih majikan yang menawarkan tawaran gaji lebih baik.

Menurutnya, inisiatif PERKESO menganjurkan program pekerjaan selain MyFutureJobs terbukti membantu lebih ramai golongan pencari kerja memperoleh pekerjaan dalam waktu yang singkat.

“Cuma kali ini, kita adakan program MyfutureJobs secara atas talian disebabkan faktor pandemik, malah perhubungan atas talian seperti sekarang ini adalah lebih mudah dan berkesan.

“Penganjuran program ini secara atas talian lebih kepada mengikut keperluan semasa hari ini yang sebahagian besarnya lebih banyak menggunakan kaedah secara maya, ia lebih selamat,” ujarnya.

Lebih 3,000 anak asnaf akan terima tablet – MAIM

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Khabar gembira buat lebih 3,000 anak asnaf di negeri ini kerana mereka akan menerima tablet sumbangan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Agensi kerajaan negeri itu menyediakan lebih 3,000 tablet untuk diagihkan kepada anak asnaf bagi memudahkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Timbalan Pengerusinya, Datuk Wira Md Rawi

Mahmud berkata, MAIM memperuntukkan RM3 juta bagi menjayakan program berkenaan yang bertujuan membantu murid sekolah kebangsaan dan pelajar menengah daripada keluarga kurang berkemampuan mengikuti PdPR.

“Insyallah peralatan komunikasi itu akan diadarkan Oktober ini berdasarkan senarai nama penerima yang sudah disaring dengan teliti bagi memastikan hanya anak asnaf yang layak menerimanya,” katanya di sini.

Beliau berkata, anak asnaf yang terpaksa berkongsi telefon bimbit dengan ibu bapa untuk mengikuti PdPR mampu belajar lebih selesa dengan menggunakan tablet dan diharapkan mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik.

Md Rawi juga berkata, MAIM sudah mengagihkan 23,400 Kit Makanan Kecemasan (Musa’adah) bagi membantu mereka yang terjejas akibat COVID-19 dari Jun hingga Ogos lalu.

Peruntukan RM936,000 dibelanjakan bagi menyedia-

kan kit makanan itu mengandungi beras, gula, tepung, susu, sardin, garam, biskut, kopi dan minuman kordial yang diedarkan kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) di seluruh negeri ini.

“Ia membuktikan keprihatinan kerajaan negeri dan MAIM terhadap nasib rakyat yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19,” katanya.

Katanya, MAIM turut mengedarkan pelitup muka dan tuala kepada tiga Pusat



MD Rawi

Pemberian Vaksin (PPV) membabitkan peruntukan

RM100,000 selain menyediakan 2,300 peralatan pengurusan jenazah yang diagihkan kepada masjid dengan kos RM300,000.

“Setiap bulan MAIM memberikan bantuan RM350 kepada lebih 8,000 asnaf, terutama bagi menyediakan bahan makanan untuk mereka.

“Sebanyak RM1.3 juta sudah dibelanjakan untuk program sekali bayar (one-off) kepada asnaf khusus untuk membantu mereka menyambut Aidiladha pada 20 Julai lalu,” katanya.

Sasar 229,000 pencari kerja terima manfaat *MyFutureJobs*

AYER KEROH - Bantuan kewangan SIP (Sistem Insurans Pekerjaan) PRIHATIN menerusi Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) Perkhidmatan Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan turut diperluaskan kepada golongan bukan pencaharum PERKESO.

Exco Tenaga Kerja, Datuk Wira Ar Ismail Othman berkata, bagi melayakkan penerima bantuan kewangan itu, mereka perlu mendaftar di portal pekerjaan MyFutureJobs yang diuruskan PERKESO agar usaha pencarian pekerjaan mereka dapat dibantu dan dipantau PERKESO.

Pencari kerja juga katanya, perlu menghadiri sekurang-kurangnya tiga temuduga dalam sebulan, sama ada secara fizikal atau dalam talian bagi melayakkan mereka menerima insentif EMP sebanyak RM300 sebulan selama tempoh dua bulan.

"Sekiranya pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan melalui portal

MyFutureJobs, insentif tambahan sebanyak RM400 akan diberikan kepada mereka.

"PERKESO menyasarkan seramai 229,000 pencari kerja akan mendapat manfaat daripada bantuan ini bermula pendaftaran pada 15 Julai lalu," katanya pada sesi ucapan penangguhan Persidangan Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-14 pada 23 Sept lepas.

SIP PRIHATIN adalah bantuan kewangan yang diberikan kepada individu yang sedang terkesan akibat krisis wabak COVID-19 untuk kelangsungan hidup semasa mencari peluang pekerjaan baharu.

Dalam ucapannya itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi itu berkata, PERKESO turut mempergiat-



ISMAIL

kan Karnival Kerjaya atau *Job Carnival* di beberapa negeri agar program pengambiln pekerja dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Pada masa yang sama, pekerja yang telah diberhentikan kerja, mereka boleh mendaftar dengan portal *MyFutureJobs* berteknologi tinggi dan terkini ini bagi membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan.

Portal itu juga katanya, dapat melancarkan lagi proses perkhidmatan pekerjaan dan juga telah digunakan sebagai platform dalam melaksanakan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*).

Bantuan JKM diteruskan ketika pandemik COVID-19

TIADA pematangan atau penamatan bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada penerima sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Perkara itu termaktub dalam pekililing dikeluarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertujuan menjaga kebajikan golongan memerlukan.

Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Wira Latipah Omar berkata, sehubungan itu penerima bermasalah boleh berhubung terus dengan pegawai atau pengarah JKM.

"Kita baru dapat pekililing dari ibu pejabat mengatakan bahawa dalam musim COVID ini JKM akan meluluskan kajian semula (permohonan) tanpa disiasat.

"Maknanya keputusan dan ada, ibu pejabat baru bagi pekililing baru. Jadi boleh berhubung dengan pegawai atau pengarah JKM," katanya pada sesi pertanyaan lisan pada Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14, pada 22 Sept lepas.

Beliau menjawab soalan tambahan G Saminathan (PH-Gadek) yang meminta penjelasan berhubung beberapa kes ibu tunggal di kawasan diwakilinya yang ditamatkan bantuan JKM.

Isu berkenaan turut mendapat perhatian Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (BN-Lendu) yang berpendapat bantuan itu perlu diteruskan ketika pandemik.

"Dalam tempoh pandemik COVID-19



LATIPAH

ini saya dapati ramai yang hilang pekerjaan dan pendapatan. Saya suka juga menyuarakan kepada YB Exco berkaitan kebajikan, elok jangan kita berhentikan (bantuan).

"Sebabnya, dulu mungkin saudara atau anak-anak boleh bantu, hari ini anak-anak hilang pekerjaan dan tidak boleh bantu ibu bapa di rumah.

"Ada dalam kalangan mereka juga sukar mendapat pekerjaan apabila banyak industri yang masih lagi belum dibuka, jadi pandangan saya elok jangan berhentikan bantuan dalam tempoh pandemik," katanya.

Terdahulu, Latipah ketika menjawab soalan utama Saminathan berkata, setiap penamatan penerima bantuan adalah menerusi kajian semula dijalankan setiap tahun bagi menilai kelayakan semasa permohonan sama ada boleh dilanjutkan bantuan atau ditamatkan.

Katanya, antara sebab penamatan bantuan dilaksanakan iaitu meninggal dunia, berpindah dan mampu berkari.

"Selain itu penerima telah menerima bantuan daripada agensi lain yang dikira sebagai sumber pendapatan dan kini pendapatan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah atau PGK Purata Miskin per Kapita Semasa.

"Selain itu, anak dalam tanggungan berusia lebih 18 tahun bagi Bantuan-Kanak-Kanak dan pesakit terlantar telah meninggal dunia (bantuan atas nama penjaga)," katanya.

JKM pastikan tiada yang tercicir terima bantuan - Latipah

Ashalia Yusof

JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka sentiasa peka terhadap soal kebajikan dan kesejahteraan rakyat negeri ini.

Datuk Wira Latipah Omar berkata, menjadi tanggungjawab JKM untuk memastikan golongan yang layak, tidak tercicir daripada menerima bantuan yang disediakan kerajaan.

"Kita akan memastikan bahawa setiap perkara terutamanya daripada segi bantuan, kita pun faham kertas-kertas siasatan tidak perlu, maknanya diteruskan jika ada mereka (penerima) dikatakan banyak dipotong, nama dah tiada.

"Sebenarnya penerima ini tidak faham walaupun dia duduk di lorong 1, dia pindah di lorong 2 atau di lorong 3, dia kena beritahu pada JKM itu sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media hari terakhir Persidangan Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri DUN Melaka Ke-14, pada 23 September lalu.

Mengulas lanjut katanya, pihaknya turut menempatkan beberapa Pegawai Kebajikan JKM di setiap pejabat Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan DUN (JAPERUN) untuk melakukan proses siasatan setiap permohonan dan memastikan mereka yang memerlukan bantuan mendapat tindakan kebajikan yang sewajarnya.



DAK MAT

Kongsi idea Belanjawan 2022 Negeri Melaka



TIDAK lama lagi kerajaan negeri bakal membenarkan bajet atau belanjawannya.

Belanjawan amat penting sebagai pernyataan anggaran hasil dan perbelanjaan masa hadapan yang akan digunakan sebagai alat perancangan dan pengurusan sumber ekonomi negara untuk keperluan rakyat.

Tidak hairan 'Tok Leman' mahu rakyat Melaka tidak ketinggalan memberikan pandangan untuk diperhalusi dalam menyediakan Belanjawan 2022.

Kaedah sama juga beliau gunakan tahun lalu kerana mengiktiraf pandangan segenap lapisan masyarakat penting bagi kerajaan negeri. Jadi, orang Melaka segeralah sahut dan kongsi idea anda di Facebook rasmi ketua menteri.

Sama-samalah kita beri pandangan untuk membina semula ekonomi dan kemakmuran negeri yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Bagi Mat pandangan rakyat yang mewakili kelompok B40, M40 dan T20 ini jika digabung dengan input pakar ekonomi, sektor industri, penggiat industri pelancongan, golongan peniaga serta rakan strategik daripada pembangkang pastinya membuahkan sesuatu yang bernas.

Mat juga tertarik kata-kata 'Tok Leman' bahawa pendapat orang ramai menjadi nadi dan kunci kemakmuran negeri Melaka.

Rugilah jika kita tidak bersama-sama kerajaan negeri. Siapa tahu idea anda terpilih dan diangkat pembentangan belanjawan itu nanti.

Justeru, sambulah pelawaan Tok Leman ini supaya perancangan beliau untuk menyediakan 'Bajet Rakyat' yang benar-benar inklusif dan selaras Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 tercapai.

Dak Mat: Belanjawan impian rakyat



Manfaatkan pembukaan semula sektor pelancongan Melaka

MULAI 1 Oktober lalu, semua sektor pelancongan negeri ini diberi kebenaran untuk beroperasi semula sejajar peralihan ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara.

Kebenaran itu 'bersyarat' iaitu untuk penduduk Melaka sahaja dan hanya 50 peratus kapasiti pengunjung di setiap premis pelancongan.

Mat cuma nak kata semua pihak termasuk penggiat industri pelancongan mahupun pengunjung, hargailah peluang ini untuk memulihkan kembali industri pelancongan di Melaka.

Yang penting, jangan pandang remeh setiap SOP ditetapkan memastikan hanya individu yang lengkap divaksin saja dibenar memasuki premis selain penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

Apa yang pasti, virus COVID-19 masih wujud di persekitaran kita dan bukan jaminan kita terhindar daripadanya sekalipun diri sudah lengkap divaksin.

Seperti kata Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis, kejayaan pelancongan orang Melaka ini jadi penentu untuk pembukaan kepada pelancong luar Melaka.

Di atas semua ini, Mat berharap pembukaan produk pelancongan seperti Zoo Melaka, muzium, snorkeling, selam skuba, memancing, pusat hiburan keluarga dan taman rekreasi akan memulihkan semula industri pelancongan negeri yang terjejas teruk akibat pandemik.

Gunakan kesempatan ini untuk membawa keluarga atau rakan mengunjungi produk pelancongan dan bagi pelawat dari luar Melaka 'bersabarlah', sehingga SOP jelas dikeluarkan untuk melancong ke Melaka.

Dak Mat: Teruja nak naik Menara Taming Sari

Anak kembar ungu tangan putih tarikan baru Zoo Melaka

BUKAN calang-calang apabila Zoo Melaka merekodkan spesies ungu tangan putih melahirkan anak kembar dua, baru-baru ini.

Sekali gus ini membuktikan Zoo Melaka dalam keadaan baik dan menafikan tuduhan liar kononnya haiwan di situ terabai dari penjagaan dan kebajikan sejak negara dilanda pandemik COVID-19.

Ikut kata YDP Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman kejadian itu tidak pernah berlaku di Asia termasuk di dunia.

Katanya, difahamkan ungu kembar pernah direkod berlaku di Zurich, Switzerland dan Berlin, Jerman namun ia membabitkan dari jenis spesies Siamang.

Bagi Mat, keunikan inilah yang perlu digunakan sebaiknya untuk Zoo Melaka menarik pelancong dalam dan luar negeri selepas ini.

Jika sebelum ini, kita teruja dan berbangga dengan kelahiran tiga anak panda gergasi dari China di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara, kelahiran anak kembar ungu ini tidak kalah hebatnya.

Mat difahamkan, MPHTJ selaku pihak pengurusan Zoo Melaka tidak 'duduk diam' dan giat merencana bermacam perkara.

Antaranya untuk mengadakan pertandingan memberi nama anak kembar ungu itu yang pastinya menarik penyertaan ramai.

Hakikatnya pelbagai lagi promosi boleh dilakukan seoptimum mungkin dan Mat amat yakin dengan kemampuan Zoo Melaka.

Dak Mat: Syabas Zoo Melaka!



'Ya Allah, dugaan ini menyakitkan'



AFZAL ketika menjalani pembedahan pada 24 Sept lalu.

Liana Sahabudin

AYER KEROH – "Ya Allah, kau ambillah balik aku dah tak sanggup Ya Allah... aku tak sanggup nak terima dugaan ini lagi, dugaan ini menyakitkan, Allah tolong bantu aku."

Itu antara rintihan Ahmad Afzal Aman, 10, yang menderita penyakit radang usus sejak Julai lalu yang pasti meruntun hati sesiapa saja jika mendengarnya.

Ibunya, Norhayati Ismail, 33, berkata setiap hari juraian air mata membasahi pipi tidak terhitung dek kerana memikirkan nasib anak sulung dari dua beradik itu.

Katanya simptom radang usus itu dikesan Julai lalu apabila anaknya kerap muntah-muntah, tiada selera makan dan berat badan susut mendadak.

"Afzal juga kerap mengadu sakit perut sebelum saya membawanya untuk pemeriksaan di sebuah pusat perubatan swasta di bandar Melaka yang mana doktor mengesyaki dia menghidap apendiks dan dibedah pada 28 Julai lalu.

"Namun, selepas pembedahan dan keluar dari hospital pada 2 Ogos lalu, sakit anak tidak berkurangan malah dia lemah dan kurang aktif," katanya ketika dihubungi MHI.

Menurut Norhayati anaknya juga kerap mengadu berasa sakit ketika membuang air besar selain mengalami kaki kejang.

"Keadaan itu berlarutan hingga hujung Ogos lalu dan saya membawanya ke klinik swasta di Bukit Katil sebelum disaran merujuk anak ke hospital swasta lain untuk ujian darah, namun saya membawa Afzal Klinik Kesihatan kerana tidak mampu.

"Doktor syak anak saya menghidap leukimia dan keputusan ujian hanya akan diketahui pada September," katanya.

Katanya, tidak sanggup melihat penderitaan anak dia dan suami Aman Omar, 34, nekad mengeluarkan kos untuk ujian darah kedua di sebuah pusat perubatan swasta lain dan bersyukur anak mereka tidak menghidap leukemia.

Norhayati berkata, biarpun sudah membuat

ujian darah, anaknya terus mengalami simptom sama sebelum dia nekad merujuk semula ke pusat perubatan tempat anaknya dibedah pada 19 September lalu.

Katanya, hasil pemeriksaan doktor pakar bedah dan imbasan CT dia dinasihati membawa Ahmad Afzal menjalani rawatan di Kuala Lumpur kerana tiada doktor pakar usus kanak-kanak di Melaka.

"Saya membawa anak ke sebuah pusat perubatan swasta di Sunway, Petaling Jaya pada 21 September lalu menaiki ambulans dan doktor yang merawatnya mengesyaki 70 peratus anak saya menghidap radang usus.

"Masa tu saya hanya mampu berdoa dan bagi semangat dekat anak supaya terus kuat untuk hadapi ujian ini," katanya sebak.

Katanya kos rawatan Ahmad Afzal sangat mahal di hospital swasta iaitu sekitar RM8,000 hingga RM9,000 bagi setiap satu kali suntikan ubat sedangkan suaminya hanya seorang tentera selain mereka turut menanggung anak perempuan, Aisyah Afina berusia tujuh tahun.

"Dua bulan sekali dia perlu disuntik ubat dengan kos RM8,000 ke RM9,000 sekali rawatan, sebab itu saya minta dapat rujuk ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang jauh lebih murah iaitu sekitar RM4,000.

"Pihak HKL dah beri maklum balas untuk rawatan susulan anak selepas ini dan untuk sementara saya akan teruskan di hospital di Petaling Jaya ini supaya ubat anak saya tidak terputus, saya tak sanggup lihat dia sakit setiap hari.

"Bagi kos ubat-ubatan harian pula mencecah hingga RM600 sebulan, tapi sebagai ibu bapa saya akan usahakan untuk cari juga duit dan pernah juga terlintas untuk jual kereta sebelum ini," katanya.

Ujarnya turut bersyukur kos rawatan pembedahan dan kemasukan ke hospital ditanggung insurans anaknya, namun kos rawatan susulan dan ubatan perlu ditanggung sendiri.

Orang ramai yang ingin membuat sumbangan ikhlas boleh menyalurkannya kepada akaun Maybank 154026825291 (Norhayati Binti Ismail).

Zoo Melaka catat sejarah Asia, unguka beranak kembar

Norizan Muhid

AYER KEROH – Segalanya bermula di Melaka. Ungkapan ini sesuai menggambarkan 'kegembiraan' warga Zoo Melaka menyambut kelahiran anak kembar Ungka Tangan Putih tiga minggu lalu.

Difahamkan, kelahiran kembar itu mencatat rekod tersendiri iaitu pertama kali berlaku di Asia.

Pastinya, kelahiran anak unguka terbahit bakal mencuri tumpuan pelawat apabila Zoo Melaka dibuka semula pada 1 Oktober.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, ia merupakan kejadian yang tidak pernah berlaku di Asia termasuk di dunia.

Menurutnya, unguka kembar pernah direkod berlaku di Zurich, Switzerland dan Berlin, Jerman, namun ia membabitkan dari jenis spesies Siamang.

"Setakat ini kita belum beri nama anak kembar unguka tersebut tetapi sekarang ini kita mahu memastikan anak Ungka Tangan Putih ini sihat dan stabil terlebih dahulu.

"Namun pada bila-bila waktu ini, kita akan anjurkan pertandingan untuk memberi nama kepada anak kembar Ungka Tangan



SHADAN

Putih ini nanti," katanya pada lawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Ts Kamel Mohamad ke Zoo Melaka bagi meninjau persediaan pembukaan zoo.

Menurut Shadan, perkembangan itu sekali gus menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa haiwan-haiwan di Zoo Melaka terbahit sejak pandemik COVID-19 melanda.

"Sebenarnya bukan sahaja Ungka Tangan Putih melahirkan anak di Zoo Melaka, banyak lagi haiwan-haiwan yang sekarang ini sedang bunting dan melahirkan anak.

"Ini bermakna Zoo Melaka berada dalam keadaan yang baik," katanya.

Sementara itu, pakar primatologi dari Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Dr Badrul Munir Md Zain berkata, kelahiran kembar Ungka Tangan Putih jarang berlaku di dunia.

Katanya, hanya kelahiran kembar daripada spesies Siamang banyak direkodkan seperti penerbitan saintifik sekitar 90-an mengenai kelahiran Famili Hylobatidae di Zoo Zurich dan Zoo Berlin.



Pencuri pokok hiasan akan didakwa – MPHTJ

Fiqa Jamal

AYER KEROH – Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) tidak akan berkompromi dengan individu yang mencuri tanaman pokok-pokok hiasan di bawah lokaliti jajahannya.

Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman berkata sekiranya tertangkap individu terbahit akan diserahkan kepada pihak polis untuk didakwa kerana mencuri harta kerajaan.

Katanya, tanaman pokok hiasan terbahit merupakan usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menceriaikan kawasan dan persekitaran sesuatu tempat adalah bukan perkara yang mudah.

"Di bawah MPHTJ berlaku juga perkara curi pokok hiasan ini, namun tidak sampai ke peringkat serius dan masih boleh dibendung.

"Namun sekiranya individu tertangkap melakukan perkara sedemikian di bawah jajaan MPHTJ, kita tidak akan teragak-agak

untuk ambil tindakan tegas, bawa kepada pihak polis dan dia (individu) akan didakwa.

"Ini kerana usaha kami (PBT) menceriaikan negeri bukan mudah dan ianya perlu dibantu oleh masyarakat setempat agar negeri Melaka nampak ceria dan cantik," katanya kepada MHI.

Tambah Shadan, beliau turut meminta agar masyarakat bersama-sama membantu PBT menjaga persekitaran selain meminta untuk melaporkan aduan sekiranya berlaku kecurian pokok hiasan milik MPHTJ.

"Cuma pesanan kami kepada individu yang tidak bertanggungjawab ini agar tidak membuat sedemikian, dan masyarakat yang peka boleh buat aduan pada kami di MPHTJ setiap hari di talian *Whatsapp* 012-5261565," katanya.

Terdahulu tular beberapa keping gambar di laman *Facebook* yang menampakkan beberapa individu sedang mengambil pokok hiasan milik PBT negeri.

Setinggi-tinggi
Penghargaan



Kepada

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

Dan

KERAJAAN NEGERI MELAKA

Atas

**Perjanjian Usaha Sama bagi Cadangan Projek Pembangunan Semula
Melaka Sentral Melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) di antara
Melaka Sentral Sdn. Bhd. (MSSB) dan Syarikat Goodyield
Development Sdn. Bhd.**

Setulus Ikhlas Daripada



GOODYIELD DEVELOPMENT SDN BHD

MIDA yakin Malaysia kekal destinasi pelaburan unggul di rantau Asia

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yakin Malaysia akan kekal sebagai destinasi pelaburan unggul di rantau Asia dengan aliran pelaburan berkualiti tinggi.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Promosi Pelaburan dan Fasilitasi MIDA, S. Sivasuriyamoorthy berkata, pada tahun lalu, walaupun negara berdepan dengan gelombang pandemik COVID-19, Malaysia berjaya meraih pelaburan bernilai RM167 bilion.

Malah, katanya, bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ekonomi adalah bernilai RM107.5 billion, iaitu peningkatan sebanyak 69.8 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

"Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ekonomi, pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang RM62.5 billion iaitu lonjakan 214.9 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Malah, lonjakan FDI adalah lebih tinggi dalam sektor perkilangan iaitu 223.1 peratus.

"Bagi tahun ini target (sasaran) kita untuk pastikan jumlah pelaburan adalah lebih tinggi daripada RM167 bilion, begitu juga



SIVASURIYAMOORTHY

tahun 2022 kita sasar untuk terus menarik jumlah pelaburan berkualiti yang tinggi," katanya kepada MHI pada 26 Sept lepas.

Hadir sama Pengarah Bahagian Pelaburan Domestik MIDA, Sukri Abu Bakar dan Pengarah MIDA Melaka, Jaibalan Harirajan.

Sivasuriyamoorthy berkata, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tempoh lima hingga enam tahun lepas dalam ekonomi adalah sebanyak RM200 bilion purata setiap tahun.

Jelasnya, bagi tahun ini jumlah pelaburan yang diluluskan dalam tempoh Januari hingga Jun sebanyak RM107.5 bilion adalah amat mem-

berangsangkan, memandangkan negara dan dunia masih belum pulih daripada krisis pandemik COVID-19.

"Manakala dari segi bilangan projek diluluskan, bagi sektor perkilangan sebanyak 367, sektor perkhidmatan sebanyak 1,717 dan 26 projek adalah dalam 'industry primary'.

"Ketiga-tiga sektor ini akan menyediakan hampir 45,000 peluang pekerjaan khususnya warga tempatan," katanya.

Di sebalik cabaran terhadap ekonomi global yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, MITI dan MIDA tetap komited untuk memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi pilihan pelaburan di mata dunia.

Tiada kompromi dengan pencuri pokok hiasan- MBMB

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah membuat laporan polis terhadap kes kecurian pokok hiasan di kawasan pentadbirannya.

Berdasarkan gambar tular di media sosial memperlihatkan individu mencuri pokok-pokok hiasan, Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu menyifatkan perbuatan itu perlu diambil tindakan tegas oleh pihak berkuasa.

Menurut Zainal, kes kecurian pokok hiasan di kawasan MBMB jarang berlaku, namun sejak Disember tahun lalu, pihaknya membuat laporan polis berkaitan.

Jelasnya, pokok-pokok hiasan yang hilang melibatkan pokok jenis Ficus Elastica Burgundy dan Ficus Lyrata yang dipercayai telah dicungkil keluar dari pasu.

"Menurut laporan polis yang dilakukan oleh mandur MBMB, kehilangan pokok hiasan dicuri semasa kerja-kerja menaik taraf landskap di bawah jambat



ZAINAL

Malim melibatkan dua pokok iaitu jenis Ficus Elastica Burgundy dan Ficus Lyrata.

"Kebiasaannya pencuri mengambil peluang semasa pokok baru ditanam dan spesies ini sedang popular dan bernilai tinggi.

"Bagi mengelakkan kejadian kecurian ini berlaku, pihak Jabatan Landskap MBMB kebiasaannya mengikat 'rootball' pada pasu dan pasu pula akan dipilih saiz yang besar bagi menyukarkan pencuri mencuri pokok hiasan ini," jelasnya ketika dihubungi MHI.

Utuk info, pokok hiasan yang menjadi sasaran adalah jenis Ficus Lyrata atau nama popularnya Fiddle Leaf Fig iaitu spesies tanaman hutan yang paling mudah dipelihara.

Pokok hiasan ini sentiasa menjadi buruan peminat atau pemilik kediaman yang gemarkan konsep moden.

Namun, ramai antara empunya pokok sering mengeluh apabila pokok ini mati kerana tidak menjaganya dengan kaedah yang betul dan dipercayai harga pokok ini agak mahal.



PETUGAS MBMB bergambar di hadapan pokok hiasan landskap jenis Ficus Lyrata di bawah jambat Malim.

Program percuma sanitasi sekolah

// Kami terpanggil untuk melakukan program sanitasi percuma ini agar pelajar dapat memulakan sesi persekolahan dalam suasana bersih tanpa perlu bimbang akan penularan virus di sekolah. //

KLEBANG – Menjelang pembukaan semula sekolah 4 Oktober ini, kumpulan sukarelawan dari Pertubuhan Pembela Klebang Besar melakukan sanitasi percuma di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Klebang Besar pada 30 Sept lepas.

Pengerusi pertubuhan, Datuk Mohd Yusof Abu Hasan berkata, program percuma itu menggambarkan keprihatinan semua pihak terhadap mereka yang memerlukan bantuan sepanjang waktu pandemik COVID-19.

Menurutnya, tugas berkenaan tidak seharusnya diletakkan di bahu pihak berkaitan semata-mata sebaliknya setiap lapisan masyarakat boleh berperanan mengikut kemampuan masing-masing.

"Kami terpanggil untuk melakukan program sanitasi percuma ini agar pelajar dapat memulakan sesi persekolahan dalam suasana bersih tanpa perlu bimbang akan penularan virus di sekolah.

"Inilah salah satu usaha yang dapat dilakukan untuk mengawal jangkitan virus ini yang sudah menjadi sebahagian dari kehidupan kita pada masa hadapan," katanya ketika ditemui MHI.

Pengetua sekolah berkenaan, Azman Mohd Dum se-

mentara itu berterima kasih terhadap usaha berkenaan yang secara tidak langsung menambah keyakinan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka bersekolah Isnin ini.

Menurutnya buat permulaan, seramai 35 pelajar berusia 13 hingga 19 tahun terdiri daripada pelajar murid berkeperluan khas (MBK) akan memulakan sesi persekolahan Isnin ini sebelum kelas lain dibuka secara berperingkat.

"Mungkin masih ada ibu bapa yang bimbang untuk menghantar anak mereka ke sekolah, jadi dengan adanya program sanitasi ini menunjukkan pihak sekolah telah berusaha sebaik mungkin untuk mewujudkan persekitaran terbaik buat pelajar.

"Semua prosedur operasi standard (SOP) mencegah jangkitan COVID-19 sentiasa diamalkan dan diharapkan lebih banyak sukarelawan tampil membantu pihak sekolah seperti program hari ini," katanya.

Pada program itu, Pertubuhan Pembela Klebang Besar turut menyampaikan kit penyembur pembasmian kuman dan penutup muka untuk kegunaan kira-kira 85 guru sekolah berkenaan yang mempunyai seramai 950 pelajar.



SUKARELAWAN dari Pertubuhan Pembela Klebang Besar melakukan sanitasi percuma di SMK Klebang Besar pada 30 Sept lepas. Foto MR Azli

MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Integriti Tonggak Kecemerlangan Tadbir Urus Organisasi

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

DALAM melakukan apa sahaja pekerjaan, selain kelayakan dan kemahiran ada satu lagi perkara yang perlu diterapkan dalam setiap orang khususnya Muslim iaitu sifat Integriti.

Ketiadaan sifat integriti dan amanah bukan sahaja boleh mencalarakan peribadi bahkan juga akan memburukkan dan merosakkan prestasi dan nama baik sesebuah organisasi.

Integriti merupakan elemen yang perlu diberikan perhatian oleh setiap individu yang berada di bawah sesuatu organisasi dan penghayatan terhadap elemen ini amat penting kerana ia mampu memberikan kesejahteraan kepada kakitangan sesebuah organisasi.

Islam sendiri menekankan soal integriti dalam kehidupan manusia khususnya nilai-nilai integriti terbentuk melalui sifat amanah, jujur dan kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan

// Apabila nilai-nilai ini diterapkan dalam jiwa individu, sudah tentu sesebuah organisasi itu mampu untuk menghasilkan perkhidmatan yang efisien dan berkualiti. //

diri.

Selain itu, integriti juga boleh dikaitkan dengan keikhlasan bilamana seseorang individu mempunyai keikhlasan dalam menunaikan amanahnya sudah tentu dapat menghindari dirinya daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik yang boleh menjejaskan kualiti perjalanan organisasi.

Konsep integriti ini boleh diungkapkan juga dengan sifat amanah dan itqan (bersungguh-sungguh) sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya." (Surah al-

Mu'minin ayat 8).

Sifat amanah dan bersungguh-sungguh dalam bekerja ini turut berkait-rapat dengan prestasi serta kecekmerlangan tadbir-urus sesebuah organisasi.

Apabila nilai-nilai ini diterapkan dalam jiwa individu, sudah tentu sesebuah organisasi itu mampu untuk menghasilkan perkhidmatan yang efisien dan berkualiti.

Amanah dan tugas yang diberikan perlu disempurnakan sebaik mungkin serta perlu menjauhkan diri daripada apa sahaja perbuatan dan perlakuan yang bercanggah dengan tuntutan agama.

Join Berwakaf



- Di Kaunter**
Aras bawah Bangunan Majlis Agama Islam Melaka (MAM)
- Melalui Akaun**
BANK ISLAM
04015010017434
Saham Wakaf Majlis Agama Islam Melaka
- Potongan Gaji**
Secara Bulanan Minima RM2.00
- Aplikasi BOOST**
Muat Turun di Google Play Store & Apple App Store
- e-BAYAR**
Bayaran Wakaf Tunai Bayaran Fidyah
ebayar.melaka.gov.my

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal iwakaf.maim.gov.my

Perundangan

Mengikut Seksyen 77, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 menjelaskan: "Walaupun apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal Wakaf Negeri Melaka"

Fatwa Kebangsaan

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah **DIBOLEHKAN** di dalam Islam
(Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia kali ke - 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu)



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/majlis-agama-islam-melaka) Facebook | [facebook/maimmelaka](https://www.facebook.com/maimmelaka)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



SERAHAN bakul makanan sumbangan oleh MBSB Berhad melalui zakat wakalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bersama Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) kepada setiap cawangan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) baru-baru ini. Bakul berkenaan akan diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin tegar serta mereka yang memerlukan di negeri ini. Kit itu juga diisi makanan asas seperti tepung, gula, minyak dan juga sumbangan beras.



PERBINCANGAN berkaitan hasrat wakaf bersama pewakaf ke atas lot 1532, Mukim Durian Tunggal seluas 0.4 ekar bagi tujuan tapak tambahan tanah perkuburan Islam Kampung Pulau.



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menyantuni asnaf di sekitar Kampung Tehel pada program turun padang ke kariah berkenaan baru-baru ini. Beliau turut mengadakan lawatan ke tapak masjid baharu di atas lot tanah wakaf MAIM seluas 3.1 ekar. Cadangan pembinaan bangunan baharu bagi Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM turut diberi perhatian dalam program berkenaan.



**ALMANAK ASTRONOMI 2021
BULAN OKTOBER**

FASA BULAN BARU 06/10/2021-19:05	FASA SUKUAN AWAL 13/10/2021-11:25
FASA BULAN PENUH 20/10/2021-22:57	
FASA SUKUAN AKHIR 29/10/2021-04:05	



METEOR ORIONIDS
21/10/2021

HUJAN METEOR BERLAKU APABILA BUMI
MELINTASI JEJAK DEBU YANG
DITINGGALKAN KOMET

 www.muftimelaka.gov.my
 Jabatan Mufti Negeri Melaka
  @MuftiMelaka

*Cabutan Perdana
Potongan Gaji Zakat*



Serendah RM50

& Tambahan Serendah RM30



Sila Imbas

Tarikh penyertaan:
27 Ogos 2021 *Terkluk Terma & Syarat

Daftar di:
www.izakat.com

"Menangi cabutan hadiah menarik menanti anda"

Hadiah JUARA:
10g Emas X 1

Hadiah NAIB JUARA:
3g Emas X 1

Hadiah SAGUHATI:
1g Emas X 10




Talian Zakat:
1-300-88-0233

 Zakat Melaka
  zakat.melaka
  www.izakat.com



Skim BANTUAN MAIM



<p>01</p> <p>Bantuan Makanan Bulanan</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>02</p> <p>Bantuan Saraan Anak Sekolah</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>03</p> <p>Bantuan Saraan Anak IPT</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>
<p>04</p> <p>Bantuan Sakit Kronik</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>05</p> <p>Bantuan Sakit Terlantar</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>06</p> <p>Bantuan Skim Simpanan Fakir</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir sahaja</p>
<p>07</p> <p>Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf)</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>08</p> <p>Bantuan Rawatan Dialisis (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.)</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka</p>	<p>09</p> <p>Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>
<p>10</p> <p>Bantuan Pakaian Sekolah</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>11</p> <p>Pekerja Sukarelawan</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>12</p> <p>Bantuan Alat Bantu Pulih</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka</p>
<p>13</p> <p>Bantuan Khairat Kematian</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>14</p> <p>Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf)</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>15</p> <p>Bantuan Am</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka</p>
<p>16</p> <p>Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka</p>	<p>17</p> <p>Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf)</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf</p>	<p>18</p> <p>Bantuan Aidiladha</p> <p>Kelayakan : Asnaf fakir sahaja</p>

19



Bantuan Skim Simpanan Muallaf

Kelayakan :
Asnaf muallaf sahaja

*terbuka

mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf

Karnival Kerjaya Digital Melaka tawar lebih 5,000 peluang kerja

AYER KEROH - Karnival Kerjaya Digital Melaka Careertrans 2021 anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bakal menawarkan lebih 5,500 peluang pekerjaan buat pencari kerja khususnya di negeri ini.

Exco Tenaga Kerja, Datuk Wira Ar. Ismail Othman berkata, karnival atas talian itu akan diadakan pada 16 Oktober ini dan merupakan kesinambungan daripada kejayaan penganjuran Karnival Penjana Kerjaya Melaka Careertrans 2020 pada Ogos tahun lalu.

Katanya, kali ini karnival bakal disertai lebih 20 majikan dalam pelbagai sektor.

"Tahun lepas lebih 4,000 calon yang menyertai karnival itu dan separuh darinya berjaya ditawarkan pekerjaan.

"Kemungkinan karnival tahun ini akan mengatasi jumlah penglibatan



ISMAIL

tahun lalu, sebab kita tengok trend pencarian kerja di negeri Melaka. "Setakat ini lebih 1,000 calon yang telah mendaftar dan saya masih

// Cabaran penganjuran Karnival Kerjaya Digital adalah dari segi limitasi liputan internet terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar negeri Melaka. //

mengharapkan ada peningkatan bilangan calon dalam masa dua minggu ini," katanya dalam temubual di Pejabat MHI pada 30 Sept lepas.

Menurut Ismail, cabaran penganjuran Karnival Kerjaya Digital adalah dari segi limitasi liputan internet terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar negeri Melaka.

"Walaupun sistem menyatakan Melaka ini liputan internet 4G adalah 93 peratus, tetapi sebenarnya tidak. "Jadi calon yang berada di kawasan luar bandar ini akan mengalami sedikit masalah kerana temuduga ini akan dijalankan secara digital.

"Bagi calon yang tidak mempunyai kemudahan computer atau liputan internet yang kurang baik,

boleh saja menggunakan medium lain seperti telefon bimbit dan sebagainya," katanya.

Jelasnya, buat masa ini Karnival Pekerjaan ini adalah platform yang terbaik untuk mendapatkan pendapatan yang baik untuk menampung keluarga.

"Saya berharap kepada mereka yang sedang mencari peluang pekerjaan, sentiasa peka dan perhatikan peluang-peluang lain yang ada.

"Justeru, masuklah ke portal MYFutureJobs yang telah disediakan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan daftarlah ke Karnival Kerjaya Digital Melaka.

"Tidak ada sesiapa yang mampu mengubah nasib kita melainkan diri sendiri, pilihan terletak di tangan anda, kalau nak maju dan berjaya percaya pada diri sendiri dan Allah. Insha-Allah," katanya.

Program PenjanaKerjaya 3.0 galak majikan ambil pekerja tempatan

PROGRAM PenjanaKerjaya 3.0 meneruskan usaha mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam usaha mengurangkan pengangguran dalam kalangan pekerja tempatan khususnya di Melaka.

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Melaka, Abd Razak Omar berkata, antara penambahbaikan dalam program itu adalah mengurangkan had kelayakan gaji daripada RM1,500 kepada RM1,200 untuk program Malaysiansation sebagai dorongan kepada majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

"Ini adalah satu langkah kerajaan bagi mengerakkan majikan untuk terus mencari pekerja terutamanya orang tempatan dan menggantikan pekerja asing ini.

"Saya amat mengharapkan supaya majikan mengambil peluang ini dengan membuat permohonan kepada PERKESO apabila mereka mengajukan pekerja di bawah portal MYFutureJobs.

"Permohonan bagi Program PenjanaKerjaya ini telah dibuka sejak 15 Julai 2021 hingga hujung tahun ini.

"Kita harap dengan perubahan yang dilakukan makin ramai majikan akan mengam-



ABD Razak

bil inisiatif untuk mengajikan pekerja tempatan berbanding warga asing," katanya dalam temubual di Pejabat Melaka Hari Ini (MHI) hari ini.

Mengulas lanjut, Abd Razak berkata, menerusi Belanjawan 2021, kerajaan telah memperkenalkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

Katanya, bantuan kewangan SIP Prihatin 2.0 menerusi Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) itu akan dibuka kepada seluruh rakyat sama ada yang mencarum atau belum.

"Sebenarnya PERKESO menyasarkan lepasan sekolah dan graduan yang masih belum mempunyai pekerjaan untuk lebih bergiat memainkan peranan dengan mendaf-

tar Program Karnival Kerjaya Digital ini.

"Bagi calon yang telah mendaftar Program PenjanaKerjaya ini, mereka layak menerima insentif RM300 sebulan sekiranya menghadiri tiga temuduga dalam sebulan selama tempoh dua bulan.

"Sekiranya calon berjaya memperoleh pekerjaan melalui portal MYFutureJobs, insentif tambahan RM400 akan diberikan kepada mereka," katanya.

Menurut Abd Razak selain Program PenjanaKerjaya, Program KerjayaGig juga adalah kesinambungan daripada insentif Pengambilan Pekerjaan dan Program Latihan dari PenjanaKerjaya 2.0.

"Ia (KerjayaGig) adalah penambahbaikan di bawah PEMULIH iaitu penyediaan peluang pekerjaan gig atau sementara kepada individu yang menganggur lebih 180 hari sehingga mereka memperoleh pekerjaan tetap.

"Justeru, insentif RM600 sebulan diberikan kepada setiap individu selagi mana mereka terlibat dengan pekerjaan sendiri atau gig selama tempoh maksimum enam bulan.

"Bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek atau platform penye-

dia perkhidmatan gig yang berdaftar dengan PERKESO pula akan menerima RM200 bagi setiap pekerja yang digaji-

kannya.

"Justeru saya menyeru kepada semua, ambillah peluang untuk menyertai dalam

Karnival Kerjaya Digital Melaka Careertrans dengan mendaftar di Facebook PERKESO Melaka," ujarnya.

KARNIVAL KERJAYA DIGITAL MELAKA CAREERTRANS 2021

SABTU | 16 OKTOBER 2021 | 9:00 PAGI - 5:00 PETANG

13 HARI LAGI

<https://bit.ly/3lhbBur>

"Jangan lepaskan peluang kerjaya anda! Daftarkan segera dengan mengimbas kod QR tertera"

"Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia"



SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: MATEMATIK

WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: MATEMATIK

- Hafal formula yang tidak disediakan
- Tulis formula penting selepas pengawas memberi keizinan menjawab soalan
- Jawab soalan yang mudah dahulu
- Bulatkan soalan yang masih belum dijawab
- 15 minit terakhir perlu digunakan untuk menyemak semula jawapan dari kecuai semasa penulisan

SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 5

PERKAITAN DAN ALGEBRA RELATIONSHIP AND ALGEBRA

- Jarak / Distance = $\sqrt{(x_2 - x_1)^2 + (y_2 - y_1)^2}$
- Titik tengah / Midpoint, $(x, y) = \left(\frac{x_1 + x_2}{2}, \frac{y_1 + y_2}{2}\right)$
- Laju purata = $\frac{\text{Jumlah jarak}}{\text{Jumlah masa}}$
Average speed = $\frac{\text{Total distance}}{\text{Total time}}$
- $m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1}$
- $m = -\frac{\text{pintasan} - y}{\text{pintasan} - x}$
 $m = -\frac{y - \text{intercept}}{x - \text{intercept}}$
- $A^{-1} = \frac{1}{ad - bc} \begin{pmatrix} d & -b \\ -c & a \end{pmatrix}$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK KERTAS 1

- Diberi $\begin{pmatrix} 2 & -1 \\ 0 & 3 \end{pmatrix} + 3Q = \begin{pmatrix} 5 & -1 \\ 0 & 6 \end{pmatrix}$. Hitung matrik Q.
Given $\begin{pmatrix} 2 & -1 \\ 0 & 3 \end{pmatrix} + 3Q = \begin{pmatrix} 5 & -1 \\ 0 & 6 \end{pmatrix}$. Calculate matrix Q.
A. $\begin{pmatrix} 21 & -6 \\ 0 & 27 \end{pmatrix}$ C. $\begin{pmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{pmatrix}$
B. $\begin{pmatrix} 7 & -2 \\ 3 & 3 \\ 0 & 3 \end{pmatrix}$
- Diberi matriksongsang bagi $\begin{pmatrix} p & 1 \\ q & 1 \end{pmatrix}$ ialah $\frac{1}{y} \begin{pmatrix} 1 & x \\ -2 & 4 \end{pmatrix}$. Cari nilai x dan y.
Given the inverse matrix of $\begin{pmatrix} p & 1 \\ q & 1 \end{pmatrix}$ is $\frac{1}{y} \begin{pmatrix} 1 & x \\ -2 & 4 \end{pmatrix}$. Find the value of x and y.
A. $x=1, y=2$ C. $x=-1, y=-2$
B. $x=1, y=-2$ D. $x=-1, y=2$
- Cari nilai a dan b, jika
Find the values of a and b, such that
 $\begin{pmatrix} 3 & 2 \\ a & b \\ -1 & 0 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 5 & 0 & 2 \\ -1 & 3 & -5 \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} 13 & 6 & -4 \\ 4 & 3 & -3 \\ -5 & 0 & -2 \end{pmatrix}$
A. $a=1, b=1$
B. $a=2, b=2$
C. $a=3, b=3$
D. $a=4, b=4$

JAWAPAN:

KERTAS 1

- $$\begin{pmatrix} 2 & -1 \\ 0 & 3 \end{pmatrix} + 3Q = \begin{pmatrix} 5 & -1 \\ 0 & 6 \end{pmatrix}$$

$$3Q = \begin{pmatrix} 5 & -1 \\ 0 & 6 \end{pmatrix} - \begin{pmatrix} 2 & -1 \\ 0 & 3 \end{pmatrix}$$

$$3Q = \begin{pmatrix} 3 & 0 \\ 0 & 3 \end{pmatrix}$$

$$Q = \frac{1}{3} \begin{pmatrix} 3 & 0 \\ 0 & 3 \end{pmatrix}$$

$$Q = \begin{pmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{pmatrix} = (C)$$
- Matrik songsang bagi $\begin{pmatrix} p & 1 \\ q & 1 \end{pmatrix}$ ialah $\frac{1}{y} \begin{pmatrix} 1 & x \\ -2 & 4 \end{pmatrix}$. Menggunakan formula (6)
 $A^{-1} = \frac{1}{ad - bc} \begin{pmatrix} d & -b \\ -c & a \end{pmatrix} = \frac{1}{y} \begin{pmatrix} 1 & x \\ -2 & 4 \end{pmatrix}$ dan menggunakan kaedah perbandingan, maka $y = ad - bc, d = 1, -b = x, -c = -2, a = 4$. (1)
Pelajar turut perlu mengetahui bahawa $\begin{pmatrix} p & 1 \\ q & 1 \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} a & b \\ c & d \end{pmatrix}$. Maka, dengan menggunakan kaedah perbandingan sekali lagi $p = a, 1 = b, q = c, 1 = d$. (2)
Dari maklumat yang diberikan di dalam matrik songsang (1) dimasukkan di
 $p = a = 4$
 $q = c = 2$
dalam (2) menjadi
 $-b = x$
 $x = -1$
 $y = ad - bc$
 $= (4)(1) - (1)(2)$
 $= 2$
Oleh itu, jawapan x dan y adalah $x = -1, y = 2$ (D).
- Untuk mendapatkan nilai a dan b, pelajar perlu mengetahui konsep ini
$$\begin{pmatrix} A & B \\ C & D \\ E & F \end{pmatrix} \begin{pmatrix} P & Q & R \\ S & T & U \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} AP+BS & AQ+BT & AR+BU \\ CP+DS & CQ+DT & CR+DU \\ EP+FS & EQ+FT & ER+FU \end{pmatrix} \text{-----(1)}$$

Maka dengan perbandingan persamaan (1) dengan soalan,
$$\begin{pmatrix} 3 & 2 \\ a & b \\ -1 & 0 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 5 & 0 & 2 \\ -1 & 3 & -5 \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} 13 & 6 & -4 \\ 4 & 3 & -3 \\ -5 & 0 & -2 \end{pmatrix}$$

a adalah C dan b adalah D.
Oleh itu, persamaan ini dapat dikeluarkan dengan melihat C dan D pada lajur 1 baris 2 dan pada lajur 2 baris 2 di sebelah kanan:
 $CP + DS = 4$
 $a(5) + b(-1) = 4$
 $5a - b = 4 \text{-----(1)}$
 $CQ + DT = 3$
 $a(0) + b(3) = 3$
 $3b = 3$
 $b = 1 \text{-----(2)}$
Persamaan (2) dimasukkan semula ke dalam persamaan (1), maka
 $5a - (1) = 4$
 $5a = 4 + 1$
 $5a = 5$
 $a = 1$
Oleh itu, jawapan a dan b adalah $a = 1, b = 1$ (A).

Spanish Journalism and Media in the Malay Archipelago: The Press in early Philippines



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE narrative of colonial presence in the Malay Archipelago has largely forgotten the Spaniards. We remember Dutch and British newspapers, publishing and printing activities in Malaya and the East Indies. There is an amnesia on the Spaniard in the Malaysian narrative.

Philippine press history takes us back to 1593. That year, the Spanish friars brought the printing press from Mexico, and published their first book, *Doctrina Cristiana* – the first of nearly two dozen religious books to appear in the next four decades in the Philippines. Most were published by Tomas Pinpin, since termed the father of printing in the Philippines.

This was just a little over a century after Johan Gutenberg's movable type appeared in Europe. And print was only used in America until after 1638. The first Philippine newsletter, as Crispin Maslog wrote in 1988, is *Successos Felices* (Glad Tidings), published in 1637. This could also be described as a Spanish newsletter. Although *Successos* could not be called the first Philippines newspaper, because there was no recorded of other issues after the first one, it is, according to the then University of the Philippines Los Banos don, "a remarkable achievement."

Compared to the British *corantos* who picked up news from Dutch and German sources, the *Successos* was an original work, and not merely a compilation or a translation. Pinpin who was responsible for putting out *Successos*, wrote about two major events important to Spain – a Spanish naval victory over the Dutch, and the Muslim defeat by the Spanish. The Muslims were described as "Muslim Filipino rebels" – an example of early orientalism.

The Philippines was governed from Mexico. Mexico City was the extension of Spain, and the Manila Galleon Trade, which lasted for 250 years and ended in 1815, linking the New Spain (and Peru) to what was "the far East" (or West). One item brought from across the Pacific was the printing presses – initially not for journalistic purposes, but for converting the Malays to Christianity.

The first newspaper was published in 1811. This was *Del Superior Gobierno*. It carried news



FROM left, Jose Rizal, Marcelo H. del Pilar and Mariano Ponce was among contributors for *La Solidaridad* journal which has become the rallying point of Filipino intellectuals in Europe.

about the Spanish-American war, the proceedings of the Spanish Cortes; and in general news from Spain. It was events from Europe,

est. Spain colonized that part of the Malay Archipelago from 1521 to 1900. *Del Superior* was a weekly

Spanish Cortes which passed a law prohibiting the reprinting of accounts from foreign gazettes unless approved by Spain. The newspaper

// But it was *La Solidaridad*, appearing on 19 February, 1889 that was perhaps remembered most in the brief shining moment of the history of journalism in the Philippines. This was in the latter part of Spanish rule. //

on Napoleon changing the border of nations then, and stories of Spain on the verge of losing it overseas provinces, that were of great inter-

newspaper. Probably 100 copies were printed of the initial issue. It was led by two Spanish public servants. Later it was banned by the

was meant for the Spanish elite.

It stopped after 15 issues. The banning of the reprinting of news from foreign publications marked

the first act of censorship in the Philippines, according to Maslog.

The year 1846 saw *La Esperanza* (Hope), the first daily in the Philippines in 1846. In an attempt to avoid trouble with the censors, it was made to be a "colorless and dull newspaper." Two years later another daily *Diario de Manila* started publication. The newspaper had its own correspondents in Spain. It was headed by Filipe del Pan, considered to be a competent and able journalist at that time.

Diario lasted for 38 years, the longest among the many dailies during the Spanish period. It was suppressed by the Spanish governor-general in 1898 for allegedly inciting the Filipinos against the Spaniards. *Diario*'s rival was *El Comercio*, which lasted for 56 years. It ceased publication during the American period in 1925.

Of note is *La Opinion* which began in 1827. According to Maslog, it was a milestone in the history of journalism in the Philippines. *La Opinion* marked the beginning of political journalism. It was perhaps the first opinion magazine in the Philippines. It criticized the Spanish friars and campaigned for the ouster of the religious.

But it was *La Solidaridad*, appearing on 19 February, 1889 that was perhaps remembered most in the brief shining moment of the history of journalism in the Philippines. This was in the latter part of Spanish rule. *La Solidaridad* was published in Spain and the Philippine. The journal became the rallying point of Filipino intellectuals in Europe.

Edited by Graciano Lopez Jaena, among its contributors were Jose Rizal, Marcelo H. del Pilar and Mariano Ponce. The Spanish-language journal was later banned, thus producing another periodical. This was the *Kalayaan*, in Tagalog on 1 January 1896, published by the secret revolutionary society, the *Katipunan*. Only one issue managed to get through before the Spanish discovered the location of the printing press.

**NEXT WEEK:
*The Maoris***

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

Melaka rancang bina 46,010 unit RMM

Meor Riduwan Meor Ahmad

AYER KEROH - Kerajaan negeri melalui kerjasama erat dengan pemaju swasta dan kerajaan merancang membangunkan 46,010 unit rumah mampu milik (RMM) di seluruh negeri ini dalam tempoh lima tahun akan datang (2020- 2025).

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, daripada jumlah itu, 31,022 unit RMM dibangunkan oleh agensi kerajaan negeri Melaka dan pihak swasta.

Manakala 14,988 unit lagi sedang dibangunkan oleh agensi kerajaan persekutuan seperti PR1MA, Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN).

"Daripada jumlah RMM sebanyak 46,010 unit tersebut, sehingga 31 Ogos lalu sebanyak 8,206 unit telah siap dibina, 20,297 unit sedang dalam pembinaan.

"Terdapat 17,507 unit lagi telah mendapat kelulusan dan akan dimulakan dalam masa terdekat," katanya dalam ucapan ketika melancarkan Projek Bandar Botani Parkland, Jasin secara maya, pada 26 Sept lepas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Ts. Kamel Mohamed, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Alam Sekitar, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Ghazale Muhammad; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Datin Sapiah Haron dan Pengarah Urusan, Parkland Group, Tee Kai Loon.

Ketua Menteri berkata, Projek Bandar Botani Parkland, Jasin adalah projek usahasama Lembaga Perumahan Melaka (LPM) bersama pihak pemaju, Parkland Group.

Katanya, keseluruhan projek perumahan bercampur itu seluas 652 ekar (263.855 hektar) mengandungi 3,891 unit rumah berkonsepkan kejiranan berpengawal.

"Komponen projek pembangunan perumahan ini adalah terdiri daripada 386 unit rumah teres mampu milik 1 tingkat berharga RM100,000 seunit; 389 unit rumah teres mampu milik 1 tingkat berharga RM180,000 seunit; selain terdapat rumah teres 1 tingkat dan 2 tingkat; rumah kluster 1 tingkat dan



SULAIMAN (tengah) bersama Pengarah Eksekutif LPM Mohd Salleh Hamidom (kiri) dan Kai Loon (kanan) melakukan gimik pelancaran Projek Bandar Botani Parkland, Jasin secara maya pada 26 Sept lepas.

2 tingkat; rumah berkembar 1 tingkat dan 2 tingkat; rumah banglo 1 tingkat dan 2 tingkat; lot kedai pejabat mampu milik; lot kedai pejabat; lot perniagaan dan lot industri kecil dan sederhana (IKS).

"Sebelum Program Bandar Botani Parkland, Jasin, Melaka dilancarkan pada hari ini (26 Sept), saya dimaklumkan 386 unit rumah teres mampu milik 1 tingkat berharga RM100,000 seunit sudah habis ditempah dan dijual manakala terdapat sedikit lagi unit rumah mampu milik 1 tingkat berharga RM180,000 seunit yang masih boleh ditempah," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, Pembangunan Projek Bandar Botani Parkland adalah pembangunan berkonsep yang pertama di Melaka yang mementingkan gaya hidup berkualiti untuk semua lapisan masyarakat.

Katanya, pemaju memperkenalkan konsep Taman Bandar Bersama Kanal Buatan Manusia seluas 30 ekar (12.14 hektar) yang mengandungi kemudahan kesihatan seperti trek jogging dan berbasikal, taman permainan kanak-kanak dan gelanggang bola sepak, badminton, sepak takraw dan bola keranjang.



Serendah
RM50
Sahaja!!

PILIHAN RUANG
PENGIKLANAN
YANG BIJAK!

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936

www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



AUTOMOTIF

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori



HARTANAH

Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah



KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot



NOTIS

Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

Kanser dan Nutrisi



DR. Shankar Gunarasa



APABILA seseorang itu sihat, tidak ada sebarang masalah untuk mendapat jumlah kalori dan juga nutrisi yang secukupnya dari makanan yang di makan. Tetapi bagaimana pula dengan pesakit yang menghidapi kanser? Untuk mendapat nutrisi dan kalori yang secukupnya memang mencabar, lebih-lebih lagi dengan keadaan kanser yang membuatkan golongan ini kehilangan selera makanan.

Secara lazimnya rawatan kanser terdiri dari pembedahan, radioterapi dan kemoterapi.

Pembedahan dilakukan untuk semua jenis kanser bagi mengeluarkan kanser tersebut dan juga organ persekitaran terlibat. Pembedahan ini juga sering dilakukan bersama pembedahan, kemoterapi dan juga radioterapi. Untuk pembedahan, baik sebelum dan selepas pembedahan, badan perlu mempunyai kalori dan protein secukupnya untuk pemulihan tisu-tisu dari pembedahan tersebut.

Radioterapi adalah kaedah rawatan kanser di mana sel-sel kanser dimatikan melalui radiasi. Bergantung pada tempat kanser tersebut, dos radiasi akan ditentukan dan diberikan kepada pesakit. Disebabkan kesan radiasi inilah yang boleh menyebabkan pesakit kanser kehilangan selera makan, berasa loya dan muntah.

Kemoterapi adalah ubatan yang diberikan khusus untuk kanser tersebut. Kemoterapi ini cukup berlainan untuk semua kanser, bergantung kepada tahap sesuatu kanser tersebut.

Ubatan kemoterapi ini bukan sahaja membunuh sel-sel kanser, malah boleh mengganggu sum-sum tulang kita, rambut



dan juga lapisan mukosa di perut dan sistem penghadaman. Inilah sebabnya pesakit kanser apabila menjalani rawatan kemoterapi akan berasa loya, muntah, cirit-birit atau sembelit.

Selain daripada ketiga-tiga rawatan ini yang boleh mengganggu nutrisi pesakit, lokasi sesuatu kanser juga memainkan peranan. Seperti kanser di esophagus atau perut, disebabkan sistem penghadaman yang tersumbat, keadaan ini boleh menyebabkan pesakit kanser ini hilang selera makan.

Apakah simptom simptom yang boleh ada pada seseorang pesakit kanser? Antaranya ialah:

- * Rasa cepat kembung
- * Hilang berat badan
- * Hilang selera makan
- * Cirit-birit
- * Sembelit
- * Loya atau muntah
- * Hilang deria rasa atau bau terhadap makanan

Nutrisi dapat dimantapkan kepada pesakit kanser sekiranya perubahan cara pemakanan di lakukan. Makanan yang mempunyai kandungan kalori, protein, vit-



amin dan zat galian yang tinggi sememangnya berfaedah kepada pesakit kanser. Berikut adalah cara tabiat pemakanan yang boleh membantu nutrisi untuk pesakit kanser.

- 1) Makan makanan yang tinggi dalam kandungan protein dan kalornya. Seperti
 - * Makanan kekacang, ayam, ikan, telur, tofu dan keju
 - * Untuk menambahkan kandungan p r o -

tein, pesakit boleh mengambil minuman susu yang diperkayakan dengan protein
> **TIP:** Sebaik-baiknya mengambil ma-
knan protein ini semasa selera
makan anda tinggi atau di
permulaan pemakanan.

2) Jika pesakit susah hendak menelan makanan yang pejal, bolehlah digantikan dengan "milkshakes", "smoothies", jus atau sup sebagai pengganti. Cara ini juga dapat memulangkan selera pesakit.

3) Makan dengan kuantiti yang kecil tetapi kerap sepanjang hari sekiranya anda tidak ada selera makanan. Ke kerapn makan itu bolehlah dilakukan antara 5 ke 6 kali sehari.

4) Mengambil vitamin seperti multivitamin. Ini memang bersesuaian untuk pesakit yang mendapat nutrisi yang kurang dari makanan seharian mereka.

5) Seboleh-bolehnya bersenam secara ringan atau berjalan jalan di kawasan taman atau perumahan. Ini sedikit sebanyak boleh membantu meningkatkan selera makan pesakit. Senaman itu boleh dilakukan dengan pelbagai cara atau aktiviti bergantung kepada kesesuaian pesakit.

Vitamin C juga digalakkan untuk ditambah dalam diet. Ia boleh membantu pemulihan tisu tisu dan luka dan menghindarkan daripada mendapat jangkitan kuman.

Probiotik adalah campuran mikro-organisma yang dijadikan dalam bentuk kapsul atau serbuk, bila dimakan, boleh membantu sistem penghadaman pesakit. Bila diambil semasa menjalani rawatan kemoterapi atau radioterapi, ia boleh membantu menghindarkan masalah cirit birit di kalangan pesakit.

Di masa ini, banyak diet yang dipaparkan di sosial media seperti vegan diet atau ketogenic diet. Anda perlu faham di mana, apa jua jenis makanan yang diambil, ianya perlu memberi kalori yang secukupnya, lebih-lebih lagi semasa anda menghidapi kanser. Untuk diet sebegini, sebaik-baiknya anda berbincang dengan doktor anda untuk mendapat nasihat yang tepat.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kanser dan nutrisi, anda boleh berhubung dengan saya, Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoscopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



MAKANAN ANTI KANSER

sumber alam semulajadi..... berasaskan tumbuhan berupaya melawan kanser



Teh Hijau



Blackberi



Blueberi



Lemon



Epal



Kale



Ginseng



Halia



Kunyit



Kulit kayu manis



Artichokes



Bawang Putih



Tomato



Minyak Zaitun



Buah Delima



Sayuran hijau



Bunga Kobis



Avocado



Kekacang



Brokoli



Cendawan

Misterikah Pulau Nangka?

SEBUT sahaja nama Pulau Nangka, pasti ramai tertanya-tanya, betul atau tidak adanya harta karun di situ?

Sebelum ini ada usaha untuk membawa keluar harta karun yang dipercayai terdiri daripada timbunan emas, namun menemui jalan buntu.

Menariknya, ada pihak yang mendakwa harta karun tersebut mempunyai penunggu, sekali gus memberi bayangan bahawa, ya Pulau Nangka mempunyai sisi misterinya tersendiri.

Baru-baru ini Pengurus Besar Institut Warisan Melaka (INSWA) Nurman Mohd Baroldin mendedahkan, 'penunggu' itu disahkan melalui beberapa kajian menggunakan kaedah moden, saintifik dan ilmu ghaib sebelum ini.

"Di Pulau Nangka juga kita telah jalankan beberapa ujian saintifik bagi mengesahkan kewujudan terowong, ada tak mungkin logam-logam yang terdapat di bawah tanah dan boleh dikatakan hasilnya sangat memeranjatkan.

"Kaedah moden telah mengesahkan memang terdapat logam, kita tak tahu logam apa, kalau dalam bacaan dia indikator warna merah yang bersifat 'panas'. Jadi kalau bersifat panas ini faham-faham sahajalah (berpenunggu).

"Memang dari segi kuantiti pun kalau dari segi teknologi telah dapat kesan logam yang terdapat di Pulau Nangka (ada) berapa ratus tan di sana. Kita dapat maklumat tersebut



MISTERI di Pulau Nangka kekal menjadi persoalan buat rakyat Melaka serta Malaysia amnya. Foto MR Azli

secara saintifik," katanya menerusi kenyataannya ketika menjadi salah seorang panelis dalam program Dengauler Ceritaku @ Muzium Melaka dengan tajuk Percaya atau Tidak, Pengalamanku di Muzium Melaka yang disiarkan secara langsung melalui Facebook (FB) rasmi Muzium & Galeri Melaka pada 23 Jun lepas.

Pulau kecil tidak berpenghuni dengan keluasan kira-kira 20 hektar, terletak kira-kira 17 kilometer dari kawasan pantai serta empat kilometer dari Pulau Besar, berhampiran Umbai dikatakan menyimpan 1,001

rahsia tersendiri yang belum terungkai sehingga kini.

Rahsia berkenaan adalah harta karun dipercayai milik sultan terakhir Melaka, Sultan Mahmud Shah yang dikatakan ditanam di pulau itu dengan nilainya dianggarkan berbilion ringgit.

Mengikut sejarah, Sultan Mahmud dikatakan menanam sebahagian hartanya berupa wang emas, pakaian dan jongsong di pulau itu ketika penjajahan Portugis pada tahun 1511, manakala sebahagian lagi dibawanya bersama.



CONTOH kepingan syiling emas Jawa kuno dipercayai pada tahun 1511 yang dijumpai semasa kerja-kerja cari gali harta karun di Pulau Nangka sebelum terpaksa dipulangkan kembali menyebabkan usaha membawa keluarnya oleh PERZIM menemui jalan buntu sehingga kini. Foto MR Azli

KARNIVAL KERJAYA DIGITAL MELAKA CAREERTRANS 2021

16 OKTOBER 2021 (SABTU)

9:00 PAGI - 5:00 PETANG

"Jom warga Melaka kita daftar **KARNIVAL KERJAYA DIGITAL!**
Mudah sahaja untuk berdaftar, hanya imbas kod QR tertera"

ANTARA MAJIKAN TERLIBAT:



<https://bit.ly/3lhbBur>



"Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia"

Norizan Muhid

BUKIT KATIL – Ditinggalkan suami dan diserang angin ahmar sehingga koma tiga hari tidak mematahkan semangat ibu tunggal beranak tujuh, Saidatul Raha Ab Rahman berusaha lebih gigih membaiki kehidupan.

Bagi Saidatul, 48, kepayahan hidup sejak berpisah pada 2014 dan terlantar sakit lima tahun selepas itu berjaya mengubah dirinya menjadi wanita yang kuat pada hari ini demi membesarkan tujuh anaknya yang kini berusia 22 sehingga 10 tahun.

“Setahun lepas koma, saya langsung tidak boleh bekerja dan melakukan kerja berat, masa itu saya sangat runsing memikirkan nasib anak-anak yang masih kecil, mujurlah ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan banyak membantu.

“Saya diserang angin ahmar selepas terjatuh di bilik air dan ketika itu saya memang ada sejarah penyakit darah tinggi. Mungkin terlalu bekerja kuat dan banyak membuat kerja sambilan bagi menampung kehidupan keluarga,” katanya.

Dia ditemui pada Majlis Pengagihan Bakul Makanan kepada Golongan Asnaf dan B40 oleh Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (KJPKK), Asisten Komisioner Mohd Hedzir Hussin dan wakil Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji dan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad di rumahnya dekat Jalan Bukit Katil.

Menerusi program itu, kira-kira 1,000 bakul makanan akan disampaikan kepada penerima bantuan melibatkan Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin bagi meringankan beban mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Menurut Saidatul lagi, selepas setahun

Ibu tunggal ‘bangkit’ demi anak



SAIDATUL (dua kiri) dan anak-anaknya bergambar di hadapan rumah mereka selepas menerima bantuan sumbangan kit makanan sumbangan Tabung Haji dan PDRM.

menjalani rawatan lanjut dan fisioterapi, dia berjaya pulih namun terpaksa menerima hakikat tidak mampu melakukan tugas lama sebagai pekerja taska.

“Saya terpaksa memikirkan cara lain untuk mencari sumber pendapatan baharu bagi menampung keperluan keluarga dan memutuskan cuba berniaga kecil-kecilan atas ta-

lian.

“Saya terima sahaja ketentuan, rezeki yang sudah Allah tetapkan dan tidak pernah berhenti berdoa serta tawakal pada-NYA demi anak-anak,” katanya.

Akhirnya, usaha gigih dan semangat kental wanita itu membuahkan hasil apabila perniagaan kecil-kecilannya atas talian menjual

biskut Herdy's kini mencapai jualan RM4,000 sebulan.

“Hasil jualan biskut ini dapatlah saya menambah pendapatan melalui bayaran komisen yang diterima selain bantuan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) lebih RM1,000 sebulan,” katanya.



**HADIAH BERNILAI LEBIH
RM30 JUTA**
MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!

57 Jutawan BSN SSP telah dilahirkan, 14 lagi bakal muncul!

Lebih hebat BSN SSP pada tahun ini. Rebut peluang untuk memenangi pelbagai ganjaran menarik yang ditawarkan.

Simpan minimum RM3,000 dengan BSN SSP dan anda berpeluang menjadi salah seorang jutawan melalui Cabutan Istimewa kami.

Kempen tamat: **31 Disember 2021**

Saluran menyimpan:

Melalui cawangan BSN atau Ejen Bank Berdaftar (EB)

Melalui BSN ATM / CDM

Melalui www.bsn.com.my

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada terma dan syarat.

Remaja 'gelabah' tunggu suntikan vaksin

Faris Haikal Zakaria

KOTA LAKSAMANA – “Saya bangun jam 8 pagi tadi, selepas itu rasa macam gelabah sebab takut lambat sampai, tapi bila sampai tiba-tiba rasa gelabah, mual, nak muntah semua ada.”

Begitu kata seorang pelajar Intan Nurkhalilah Khalil, 15, yang kelihatan gelisah ketika hadir untuk suntikan vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Remaja di Encore Melaka, di sini.

Begitupun, dia nekad mengambil vaksin COVID-19 sebelum kembali ke sekolah, sekali gus memutuskan rantai wabak berkenaan.

“Ambil jugalah vaksin sebab belajar kat rumah tak boleh nak bincang dengan kawan-kawan, tak boleh nak tanya cikgu dan susah nak belajar semua kena pakai internet.”

“Jadi bila ada vaksin ini saya dah bersedia nak pergi sekolah balik,” katanya ketika ditemui di PPV Remaja, Encore Melaka sempena



INTAN

Program Vaksinasi Murid.

Sementara itu, ibu kepada Intan, Siti Amirah Ahmad, 48, berkata, pemberian vaksin kepada golongan itu secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah untuk sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.

“Jadi kepada ibu bapa kat luar sana tak perlu risau dan mudah percaya dengan khabar angin kononnya vaksin ini bawa mudarat sebab ini saja ikhtiar yang kita ada,” ujarinya.

Nada sama disuarakan Siti Dahlia Hassan, 39, yang berpendapat, vaksin adalah jalan penyelesaian terbaik untuk melindungi murid-murid dan guru daripada terkena kesan sampingan kesihatan yang teruk akibat musuh tidak nampak itu.

“Risau atau tak risau itu cerita lain tapi yang lebih penting bila dah vaksin ini, saya rasa tak ada masalah kesihatan yang teruk akan berlaku macam dulu,” katanya.

Mulianya hati ‘Abang Aji Runner MT’

Din Ahmad

KUALA LINGGI – Peniaga catering, Mohd Hafiz Azwan Mohd Azlan, 35, tidak pernah marah jika ada pelanggan tidak mampu membayar makanan dan minuman yang dijualnya melalui konsep ‘bayar semasa tiba’ (COD).

Sebaliknya, dia bersyukur dapat bersedekah kepada mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan memerlukan makanan selepas tidak menjamah sebarang makanan satu atau dua hari.

Meskipun keletihan selepas menunggang motosikal dari kediamannya di Kampung Solok Duku, Masjid Tanah ke pelbagai destinasi di sekitar Masjid Tanah dan Alor Gajah semata-mata untuk menyerahkan makanan dan minuman yang dipesan pelanggan, dia tidak pernah merungut jika ada pelanggan gagal membayar.

“Saya tidak sampai hati mengambil semula makanan yang sudah diserahkan kepada pelanggan apabila mereka menyatakan tiada wang untuk membayarnya.”

“Saya katakan kepada mereka, makanlah, Allah mahu saya bersedekah dan saya menghalalkannya menjadi darah daging awak,” katanya selepas menghantar makanan kepada keluarga menjalani kuarantin sendiri di kediaman di Taman Gamelan, Kuala Sungai Baru, di sini, baru-baru ini.

Mohd Hafiz yang dikenali dalam kalangan pelanggan COD di sekitar Masjid Tanah dan Alor Gajah sebagai ‘Abang Aji Runner MT’ tidak pernah menyesal, sebaliknya berasa bertuah dapat menghulurkan bantuan kepada insan amat memerlukan makanan.

Katanya, akibat terkesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 pada Jun lalu, seorang ibu tujuh anak kecil memesan tujuh bungkus nasi tetapi selepas diserahkan makanan itu, dia menyatakan tidak memiliki wang.

“Sambil mengalirkan air mata, wanita itu menyatakan suaminya sudah lama meninggalkan dia dan dia serta tujuh anak masih



MOHD Hafiz menghantar makanan kepada pelanggan tetapi tidak pernah memaksa mereka jika tiada wang.

kecil sudah dua hari tidak menjamah nasi, sebaliknya mereka hanya memakan nenas yang ditanam di belakang rumah,” katanya.

Mohd Hafiz yang turut melakukan tugas sampingan sebagai mutawif, iaitu mengendalikan urusan jemaah melakukan ibadah haji dan umrah sebelum pandemik COVID-19, tidak pernah kecewa dengan perniagaan yang menuntut kesabaran tinggi itu.

“Paling banyak pelanggan tidak bayar makanan dan minuman berlaku ketika PKP 1.0 dari 18 Mac hingga 3 Mei 2020 kerana ketika itu bantuan makanan daripada pelbagai pihak masih belum ada dan kalau ada pun, masih belum teratur seperti sekarang.”

“Keadaan itu berlarutan ketika PKP 2.0 dari 13 Jan hingga 4 Mac lalu tetapi pada PKP 3.0 mulai Jun lalu, keadaan sudah tidak seteruk PKP 1.0 dan PKP 2.0,” katanya.

Paling menyentuh sanubarinya ialah apabila melihat anak kecil berlari mendapatkan motosikalnya sejurus dia tiba di halaman rumah kerana sudah terpacat dalam kepala mereka makanan yang bakal dijamah, katanya.



MOHD Hafiz menghantar makanan kepada pelanggan yang menjalani kuarantin sendiri di Taman Gamelan, Kuala Sungai Baru.

Yeong Chaur Shing Paper Mill Sdn Bhd
Lot 736, Mukim Tampoi Krubong Melaka Tengah, 75250 Melaka

PENGAMBILAN PEKERJA SEGERA!!

JOB VACANCY

→ Operator Mesin - 50 Orang

Basic mencecah RM 1,300

Lain-lain elaun termasuk :

Elaun kemahiran (skill allowance)

Syif malam + elaun

Subsidi petrol

Elaun kedatangan

Jumlah elaun boleh mencecah RM 450 sebulan

Jumlah anggaran pakej :

RM 1,300 + RM 450 =

RM 1,750 (tidak termasuk OT)

*Tertakluk kepada terma dan syarat

INTERVIEW SESSION:
TUESDAY TO FRIDAY
2.00PM - 4.30PM
017- 513 2540

YEONG CHAUR SHING
PAPER MILL SDN. BHD.
Belus
永潮興紙廠有限公司

Benefits :

- Petrol Subsidy
- Shift Allowance
- Medical Benefit
- Annual Leave
- MC
- Uniform
- Safety Shoes
- Bonus
- Increment
- Annual Dinner
- Training Provided
- Hostel

Contact Us :

017- 513 2540

Cik Anem / Cik Izan
yca.anem@gmail.com /
ycspm.izan@gmail.com

Faiz Subri lupakan hasrat ke Hungary

PEMENANG Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) 2016 Mohd Faiz Subri terpaksa melupakan hasrat berkelana ke luar negara bagi menggalas jawatan sebagai jurulatih teknikal pasukan Teqball Hungary.

Tanpa menamakan mana-mana pihak yang bertanggungjawab, pemain berusia 33 tahun itu berkata rundingan mengenai jawatan tersebut yang bermula sejak tahun lepas tidak diteruskan.

"Setakat ini tiada perbincangan lanjut mengenai tawaran (jurulatih teknikal pasukan Teqball Hungary) dan saya anggap ia telah berakhir," kata bekas pemain Pulau Pinang itu ketika dihubungi Bernama.

Pada Disember tahun lepas, Mohd Faiz yang ketika itu bersama pasukan Liga M3 Northern Lions Football Club (NLFC), ditawarkan jawatan berkenaan dan perlu mempertimbangkan untuk menamatkan kerjayanya sebagai pemain bola sepak profesional.

Bagaimanapun, tiada sebarang

keputusan dibuat sehinggalah beliau menandatangani kontrak dengan pasukan Liga M3 Kuala Kangsar FC (KKFC) pada Mac lepas, namun Liga Bola Sepak Amatour (AFL) dibatalkan baru-baru ini susulan pandemik COVID-19.

"Terkini saya tiada pasukan selepas saingan Liga M3 2021 dibatalkan. Saya masih menanti tawaran dari mana-mana pasukan yang masih percaya dengan kebolehan saya," katanya yang pernah dipanggil menyertai kem latihan pusat skuad kebangsaan pada 2012, 2013 dan 2015.

Anak kelahiran Kedah itu memberi bayangan bahawa beliau masih mahu bermain dalam liga profesional dan berkata dirinya mampu beraksi untuk sekurang-kurangnya tiga tahun lagi.

"Tahap kecergasan saya hampir mencapai tahap terbaik sewaktu menjalani latihan bersama KKFC dan ketika ini saya masih melakukan latihan kecergasan secara sendiri," katanya yang mencipta sensasi dalam sejarah bola sepak tanah air menerusi



FAIZ

gol tendangan percumanya yang viral di media sosial kerana dikatakan menentang hukum fizik.

Jaringan tersebut diledakkan ketika beliau membantu Pulau Pinang menewaskan Pahang 4-1 dalam

aksi Liga Super pada Februari 2016, sekali gus meletakkan Mohd Faiz sebaris dengan pemain bola sepak dunia seperti Cristiano Ronaldo, Zlatan Ibrahimovic dan Neymar yang pernah meraih anugerah tersebut.

Mohd Faiz juga merupakan pemain Asia pertama menerima anugerah Puskas sebelum bintang Tottenham Hotspur dari Korea Selatan Son Heung-min dinobatkan sebagai pemenang bagi 2020. - BERNAMA

Singapura tuan rumah Piala Suzuki AFF 2020

SINGAPURA diumumkan sebagai tuan rumah kepada kejohanan bola sepak ASEAN yang paling berprestij Piala AFF Suzuki 2020, yang akan berlangsung dari 5 Dis hingga 1 Jan tahun hadapan.

Perkara itu diumumkan secara ringkas dalam Facebook Piala AFF Suzuki pada 28 Sept lepas.

Pada 21 Sept, Presiden Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Mejar

Jen Khiev Sameth berkata pada kali ini, kejohanan itu akan berlangsung di satu venue berpusat disebabkan ancaman COVID-19, berbanding format kandang dan tandang (*home-and-away*), bermula dari peringkat awal sehingga perlawanan akhir.

Kejohanan yang sepatutnya dianjurkan hujung tahun lepas, ditunda setahun disebabkan pandemik COVID-19.

Edisi kali ini menyaksikan Malay-

sia diundi dalam Kumpulan B, bersama juara bertahan Vietnam, dan musuh tradisi Indonesia selain Kemboja dan Laos.

Tuan rumah Singapura akan berada dalam Kumpulan A bersama Thailand, Myanmar, Filipina dan pemenang peringkat kelayakan antara Brunei dan Timor-Leste.

Pasukan kebangsaan menjuarai kejohanan itu pada 2010 dan mendu-

duki tempat kedua pada 1996, 2014 dan 2018, menjadi salah sebuah daripada empat negara yang pernah menjuarai kejohanan dwitahunan itu yang bermula pada 1996.

Thailand menjuarainya sebanyak lima kali (1996, 2000, 2002, 2014 dan 2016), diikuti Singapura empat kali (1998, 2004, 2007 dan 2012) manakala Vietnam dua kali iaitu pada 2008 dan 2018. - BERNAMA

Skuad angkat berat badan kebangsaan dibubar - Presiden PABM

PERSEKUTUAN Angkat Berat Malaysia (PABM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) bersetuju membubarkan skuad angkat berat kebangsaan sedia ada, susulan kes doping membabitkan dua atlet negara baru-baru ini.

Presiden PABM Datuk Ayub Rahmat berkata persetujuan itu dicapai melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) MSN pada 20 Sept lepas, sekali gus menyaksikan kesemua empat jurulatih dan 13 atlet terlibat akan diberikan notis penamatan kontrak berkuat kuasa pada 1 Nov depan.

Beliau berkata keputusan itu bagi membolehkan pencarian atlet berpotensi untuk diserapkan ke dalam skuad baharu, dalam usaha PABM memperbaiki imej persatuan dan sukan tersebut di negara ini.

"Skuad kebangsaan yang bakal dibentuk pada masa akan datang akan memfokuskan kepada kelayakan dan pemburuan tempat ke Sukan



AYUB

Komanwel 2022, dan seterusnya menghidaihkan pingat buat negara.

"Satu kejohanan pemilihan atlet untuk ke pasukan kebangsaan akan diadakan pada Oktober, atlet terbaik serta mampu menghasilkan pingat buat negara pada Sukan Komanwel akan diserapkan dalam skuad baharu ini," katanya pada sidang media di sini pada 29 Sept.

Awal bulan ini, arena sukan negara sekali lagi dikejutkan dengan isu doping, sebelum PABM tampil mengesahkan bahawa dua atlet yang sebelum ini dilaporkan positif penggunaan bahan terlarang adalah daripada sukan angkat berat.

Sementara itu, Ayub turut mengesahkan selain pemenang pingat emas Sukan Komanwel 2018 Azroy Hazalwafie Izhar Ahmad, seorang lagi atlet yang didapati positif adalah Muhammad Ikram Haikal Muhammad Zuari, yang baru diserapkan ke dalam skuad kebang-

saan.

"Inilah yang pihak persatuan rasa kesal dan kecewa kerana dia baru saja (diserapkan), malah masih muda dan sudah terlibat dalam kes seperti ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Ayub optimis Malaysia mampu mempertahankan pencapaian dua pingat emas yang diraih pada edisi 2018 di Gold Coast, Australia meskipun terpaksa membentuk dan mempertaruhkan pasukan baharu.

Katanya sebuah pasukan '*ad hoc*' terdiri daripada empat atlet kini dibentuk, bagi memburu seberapa banyak mata kelayakan ke Sukan Komanwel 2022 di Birmingham, pada beberapa siri kejohanan kelayakan yang dijadual berlangsung hujung tahun ini.

Tiga atlet berkenaan ialah Muhammad Aznil Bidin, Muhammad Aniq Kasdan dan Muhammad Erry Hidayat Muhammad Hidayat, sementara seorang lagi atlet belum diputuskan.

Ayub berkata ketiga-tiga nama itu sudah didaftarkan lebih awal sebelum keputusan berkaitan pembubaran skuad dibuat, memandangkan ia merupakan perancangan menuju

Sukan Komanwel 2022.

"Jadi walaupun kita bubar, atlet yang telah didaftarkan dan berpotensi untuk kita bawa ke Sukan Komanwel

2022 akan bersama skuad '*ad hoc*' dalam tempoh sebulan, sehingga kita dapat tubuhkan pasukan baharu," katanya. - BERNAMA

PERINGKAT KUMPULAN			
PERINGKAT KUMPULAN A		PERINGKAT KUMPULAN B	
PENANG FC	KUALA LUMPUR CITY FC	TERENGGANU FC	SELANGOR FC
SRI PAHANG FC	SARAWAK UNITED FC	PERAK FC	KUCHING CITY FC
PERINGKAT KUMPULAN C		PERINGKAT KUMPULAN D	
KEDAH DARUL AMAN FC	MELAKA UNITED FC	JOHOR DARUL TA'ZIM	PETALING JAYA FC
NEGERI SEMBILAN FC	KELANTAN UNITED FC	SABAH FC	KELANTAN FC

Faiz Subri
lupakan
hasrat ke
Hungary

23



Sukan

MELAKA HARI INI



CHAMPIONS

MANUEL Ott (tengah) muncul wira MUFC dengan menjaringkan dua gol ketika aksi bertemu Kedah Darul Aman FC di Alor Setar. Foto Ihsan FB Melaka United FC



Jebat kembali 'bergegau'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

HAMPIR lima bulan Stadium Hang Jebat sunyi tanpa sorakan penyokong, namun bermula penghujung Oktober ia dijangka kembali meriah dengan kehadiran pemain ke-12 itu.

Ia susulan pengumuman kerajaan membenarkan penyokong lengkap divaksinasi hadir untuk menyaksikan aksi Piala Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC), Datuk Seri Justin Lim Hwa Tat menyambut pengumuman tersebut dan menyifatkan ia satu berita gembira buat skuad Hang Tuah.

Jelasnya, kehadiran penonton di stadium amat dinantikan dan pastinya akan menyemarakkan lagi semangat pemain untuk memberikan aksi terbaik sebelum saingan musim 2021 melabuhkan tirainya nanti.

"Kami di Melaka United FC menyambut baik dan menzahirkan ucapan penghargaan terima kasih kepada kerajaan di atas pengumuman kebenaran penonton yang telah menerima vaksinasi lengkap untuk kembali ke stadium menyaksikan perlawanan bola sepak Liga Malaysia musim ini.

"Kali terakhir Melaka United beraksi di hadapan penonton adalah ketika perlawanan Liga Super menentang PJ City FC di Stadium Hang Jebat pada 9 Mei lalu dengan kehadiran penonton ketika itu cukup menggalakkan dan pastinya peminat bola sepak di Melaka merindui untuk kembali menyaksikan perlawanan di stadium.

"Kebenaran penyokong kembali ke stadium bukan sahaja dinantikan penyokong malah di pihak kami sangat positif kerana keputusan ini bakal kembali memeriahkan industri sukan bolasepak di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, susulan pengumuman itu, pihaknya sedia mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan pada hari perlawanan dan akan memastikan semua yang berada di stadium bebas daripada COVID-19.

Justeru, katanya, hanya penonton yang lengkap vaksinasi dan tidak bergejala sahaja akan dibenarkan masuk ke stadium.

"Walaupun kos pengoperasian perlawanan akan meningkat, kami percaya jika penyokong dapat memenuhi stadium dengan kapasiti yang dibenarkan, ia sedikit-sebanyak bakal membantu kewangan kelab.

"Bagi Pemegang Pas Bermusim (Season Pass) Melaka United 2020, anda boleh kembali menggunakan pas anda untuk dua perlawanan Kumpulan C Piala Malaysia 2021 di Stadium Hang Jebat iaitu menentang Kelantan United FC dan Kedah Darul Aman FC.

"Kami juga akan mengumumkan cara-cara mendapatkan tiket perlawanan dalam masa terdekat," katanya lagi.

Untuk rekod, aksi menentang Kelantan United FC dijadual berlangsung pada 29 Oktober, manakala pertemuan dengan Kedah Darul Aman FC akan berlangsung pada 6 November.

Piala Malaysia

Melaka United aibkan naib juara Liga Super

MUFC meneruskan aksi cemerlang dalam saingan Piala Malaysia 2021 apabila berjaya menundukkan Kedah Darul Aman FC 3-1, pada 30 Sept lepas.

Aksi kedua kumpulan C di Stadium Darul Aman itu bagaimanapun menyaksikan Melaka United selaku pasukan pelawat terlebih dahulu ketinggalan seawal minit ke-7 menerusi jaringan Kpah Sherman.

Tersentak dengan gol awal itu, Melaka United kembali memperkemaskan permainan dan hasilnya mereka berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-23 menerusi Sony Norde.

Gol itu terhasil daripada gerakan serangan balas yang dimanfaatkan pemain kelahiran Haiti itu sejurus menerima bola tolangan Adriano Narcizo.

Pada minit ke-38, Melaka United berjaya mendahului tuan rumah menerusi gol kedua yang dijaringkan Manuel Ott.

Pemain kebangsaan Filipina itu tidak mensia-siakan bola hantaran Adriano di dalam kotak penalti sebelum melakukan rembatan leret ke penjuru kiri pintu gol yang dika-

wal Ifwat Akmal.

Sepuluh masa pertama berakhir dengan kedudukan berpihak Melaka United dengan dua gol berbalas satu.

Bersambung di babak kedua, Melaka United tidak menunggu lama untuk mengukuhkan cengkaman menerusi gol ketiga.

Ott sekali lagi muncul wira apabila rembatan deras dari luar kotak penaltinya berjaya menerjah jaring pada minit ke-52.

Ketinggalan dengan jurang defisit dua gol membuatkan Kedah yang juga naib juara Liga Super cuba untuk melakukan asakan bertali arus untuk merobek gawang pelawat.

Namun, corak permainan tersusun dan keampuhan benteng pertahanan Melaka United menggagalkan usaha itu sekali gus memastikan keputusan 3-1 kekal sehingga wisel penamat ditiupkan pengadil perlawanan, Mohd Fairuzi Mat Desa.

Kemenangan kedua berturut-turut itu meletakkan skuad kendalian Zainal Abidin Hassan kini selesa selaku pendahulu kumpulan C dengan mengutip enam mata.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

	1	3	
KEDAH DARUL AMAN FC			MELAKA UNITED FC
6' Kpah Sherman			23' Sony Norde 38' Manuel Gellito Ott 52' Manuel Gellito Ott

JADUAL PERLAWANAN

	29 Oktober 9.00 malam	
MELAKA UNITED FC	Stadium Hang Jebat	KELANTAN UNITED FC

www.melakafc.com.my | Melaka United FC | Melaka TV | Grafik: Melaka Hari Ini | Sumber: Malaysian Football League (MFL)